

BAB 3

ULASAN TERHADAP TEKS KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini meneliti teks drama KKM dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Sejumlah 15 teks drama iaitu tiga teks drama bagi setiap tingkatan persekolahan dikaji. Berdasarkan kajian terhadap setiap teks drama, sinopsis dan pemikiran yang ingin disampaikan oleh pengarangnya dikemukakan. Mana Sikana (1989: xii) menyatakan bahawa pemikiran adalah “unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah drama dan merupakan tenaga, makna dan intisari terpenting kepada subjek yang menjadi idea pusat para pengarangnya.” Di samping itu, latar belakang pengarang juga dikaji kerana sesebuah karya sastera itu tidak mungkin dapat diselami rasa dan makna teks tanpa berkenalan terlebih dahulu dengan pengarangnya. Dengan lain perkataan, mengenali pengarang itu sama pentingnya dengan mengenali teks hasil karyanya (Solehah Ishak, 1994: 39).

3.1 TEKS DRAMA TINGKATAN 1

3.1.1 Baju Emas Sang Maharaja

a) Biodata Pengarang

Johan Jaafar dilahirkan di Kampung Sungai Balang Besar, Muar, Johor pada 9 November 1953. Beliau mendapat pendidikan rendah dan menengah di Muar sebelum melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Melayu dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1977. Beliau kemudian menyambung pelajarannya di Universiti Nottingham, England dan memperolehi Ijazah Sarjana pada tahun 1992. Mula bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak tahun 1977 dan pernah memegang jawatan Pegawai Penyelidik, Ketua Bahagian Majalah dan Ketua Bahagian Penerbitan Am. Mulai November 1992 sehingga Julai 1998, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarang Kumpulan Akhbar Utusan Melayu. Kini beliau merupakan salah seorang daripada ahli Lembaga Pengarah DBP.

Dalam bidang penulisan, Johan menulis dalam pelbagai bidang yang merangkumi novel, cerpen, drama, kritikan dan rencana. Namun beliau lebih menonjol dalam bidang drama yang mula diceburinya sejak di bangku sekolah lagi. Drama *Antara Dua Kasih* telah mendapat tempat pertama dalam peraduan drama antara sekolah-sekolah dalam Daerah Muar pada tahun 1972 di mana beliau menjadi pengarah dan pelakon utamanya. Semasa menuntut di Universiti Malaya, beliau masih terus bergiat cergas bersama Kumpulan Kesenian Universiti Malaya (KESUMA).

Karya drama yang pernah dihasilkan oleh Johan ialah *Angin Kering* (1976), *Sang Puteri* (1979), *Pasrah* dan *Asiah Samiah*. Novel-novel yang dihasilkan oleh beliau ialah *Api Di Tanah Perkuburan* (1973), *Warna Tinta* (1976), *Genta Rasa* (1977), dan *Laguku Untukmu* (1980). Manakala cerpen-cerpennya termuat dalam antologi bersama *Keretapi Malam* (1973) dan *Pelarian Sang Hero* (1980). Beliau juga pernah mementaskan dua buah drama yang diadaptasikan dari novel iaitu *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Salina*. Manakala drama *Rumah Kedai Di Jalan Seladang* diadaptasi dari cerpen. Ketokohnya diiktiraf apabila beliau memenangi Hadiah Karya Sastera 1984 menerusi skrip drama adaptasi yang berjudul *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*.

Sepanjang pembabitannya dalam dunia kesusasteraan, Johan pernah dilantik menjadi Anggota Panel Hadiah Karya Sastera (bahagian drama), ahli panel pelbagai sayembara yang dianjurkan oleh ESSO-GAPENA dan DBP, serta ahli panel Peraduan Menulis Cerpen Shell-New Straits Times (1988-1990).

Johan telah dianugerahi dengan Pingat Setia Mahkota pada tahun 1994, Pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1995 dan pada tahun 1997, beliau dianugerahi Pingat Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk oleh Yang Di Pertuan Agong.

b) Sinopsis

Seorang tua dan anak lelakinya menyara kehidupan mereka dengan hanya menangkap ikan. Pada suatu hari selepas menangkap ikan, nelayan tua itu dan anaknya berehat di tepi sebongkah batu yang besar. Anak nelayan mengeluh kerana berasa bosan dengan pekerjaannya sebagai nelayan. Dia ingin mengubah nasibnya dan tidak mahu menjadi pewaris pekerjaan bapanya sepanjang hayat. Pertapa yang mendengar perbualan mereka menasihatkan anak nelayan itu supaya berusaha jika ingin mengubah kehidupannya. Kemudiannya, Pertapa telah memberi sehelai baju emas Sang Maharaja kepada anak nelayan bagi memenuhi apa yang dikehendakinya. Pemberian baju emas Sang Maharaja diiringi dengan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh si pemakainya. Berkat baju emas Sang Maharaja, anak nelayan menjadi seorang raja yang kaya dan berkuasa. Anak nelayan itu telah tidak bersyukur dengan apa yang diperolehinya, sebaliknya menjadi seorang yang angkuh, tamak, mementingkan diri sendiri serta telah melupakan ayahnya sendiri. Segala syarat yang perlu dipatuhi telah dilanggarnya. Pertapa muncul semula dan telah meminta kembali baju emas Sang Maharaja dan hilanglah segala kekayaan dan kekuasaan anak nelayan itu. Anak nelayan kemudiannya sedar dan insaf bahawa ia tidak layak untuk memakai baju emas tersebut.

c) Pemikiran

Drama *Baju Emas Sang Maharaja* membawa pemikiran bahawa manusia hendaklah sentiasa bersyukur atas kurniaan Allah. Dengan berpegang kepada nilai kesyukuran ini akan dapat membentuk diri menjadi insan yang tabah, tahu berterima

kasih serta menghargai segala kurniaan Allah. Allah akan sentiasa menguji semangat, keimanan dan keyakinan setiap makhluknya. Hanya mereka yang cekal, kuat rohani dan jasmani, sanggup menerima dugaan dan sabar sahaja akan dapat menikmati kebahagiaan sebenar. Oleh itu manusia hendaklah sentiasa berusaha tanpa putus asa untuk mencapai cita-cita dan matlamat hidupnya di samping bersyukur dengan apa yang ada.

Sebaliknya, sifat-sifat negatif seperti tamak, angkuh, lupa diri, tidak amanah, dan terlalu mementingkan diri sendiri akan membawa padah kepada diri manusia. Apabila sifat-sifat ini menguasai diri manusia, mereka tidak akan mempunyai rasa kesyukuran serta puas dengan apa yang mereka miliki. Manusia yang mempunyai akhlak yang rendah ini tidak boleh dipertanggungjawabkan dan akan menyalahgunakan kuasa yang diberikan kepadanya. Mereka akan bertindak zalim dan akan menggunakan kuasanya untuk melipatgandakan kekayaan dan pengaruhnya.

3.1.2 Bila Retak Kota Melaka

a) Biodata Pengarang

Aziz Jahpin ialah nama pena kepada Abdul Aziz Bin Alias. Beliau dilahirkan di Geylang Serai, Singapura pada 29 Jun 1928. Aziz mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Gajah, Melaka dan Sekolah Tinggi Melaka sehingga memperolehi Cambridge School Certificate pada tahun 1947. Selepas itu, beliau mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Aziz pernah berkhidmat dalam bidang perguruan dan penulisan deskriptif sebagai penterjemah, pemberita, penulis rencana, pengarang akhbar, penulis skrip merangkap pengarah filem, pegawai penerbitan dan penyunting skrip, masing-masing di Batu Road School, Victoria Institution, Malay Text Book Bureau, Melayu Raya, RIDA (MARA), Information Services, Filem Negara Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan Radio Televisyen Malaysia. Sewaktu berkhidmat di Filem Negara beliau pernah dihantar bertugas ke pelbagai negara antaranya Iran, Arab Saudi, Kuwait, Mesir, Jordan, Filipina, India dan Burma. Pada ketika itu, beliau banyak menerbitkan filem cereka serta dokumentasi. Kini, Aziz ialah seorang penulis bebas.

Aziz mula menulis pada tahun 1947, tetapi karya kreatifnya bermula dengan sebuah drama bertajuk *Atan Pahlawan Negara* pada tahun 1953. Selain itu, beliau juga menulis novel, cerpen, sajak, esei sastera dan budaya serta puluhan filem dokumentari. Dalam bidang drama, Aziz juga terkenal sebagai penulis yang prolifik. Hingga kini lebih 200 judul karya dramanya telah diterbitkan oleh radio, televisyen, filem, dan persatuan-persatuan seni dan budaya. Beliau gemar bereksperimen dalam penulisannya hingga ada kalanya menimbulkan kontroversi kerana bentuk, isi dan tekniknya mendahului zaman. *Renungan Tahun* (1958), *Siri Tiga Dara* (1972), *Tonel Badut* (1983), *Di Mana Bumi Dipijak* (1984), *Sahabat Tiga* (1986) dan *Nanti Mati* (1990) adalah antara beberapa karyanya yang menjadi buah mulut orang.

Aziz telah mampu memperlihatkan bakatnya dengan memenangi beberapa hadiah peraduan mengarang yang pernah dianjurkan. Beliau telah memenangi hadiah

penghargaan dalam Peraduan Mengarang Novel (1958) anjuran DBP dengan novelnya yang berjudul *Berlindung Di Balik Pelarian* dan Sayembara Novel Sempena 10 Tahun Merdeka dengan novel *Pulanglah Perantau*. Novel *Pulanglah Perantau* pernah digunakan sebagai teks wajib peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dari tahun 1975 hingga 1980. Manakala filem dokumentarinya *Mata Permata* (1964) dan *Modal Sahaja Sukar Berjaya* (1965) masing-masing memenangi *Golden Harvest Award* di Pesta Filem Asia di Taipeh dan Kyoto.

Karya cerpen Aziz termuat dalam antologi *Aku di Sebuah Pulau dan Lain-lain Cerita* (bersama, 1957) dan *Alun Menggulung Perlahan* (bersama, 1986). Puisinya termuat dalam antologi *Himpunan Sajak* (bersama, 1989) dan dramanya dalam antologi *Tinta Pena* (bersama, 1981) dan *Bila Retak Kota Melaka* (bersama, 1994).

b) Sinopsis

Suatu petang, sewaktu hendak berbuka puasa pada hari terakhir Ramadhan, Tun Ali memberitahu isterinya Tun Fatimah tentang mimpinya. Dalam mimpi itu, Tun Ali hampir lemas apabila ribut melanda ketika mandi di Sungai Melaka. Ketika terkapai-kapai melawan arus, dia terlihat arwah neneknya memanggil dan melambai-lambainya. Tun Ali percaya mimpinya akan membawa alamat yang buruk tetapi Tun Fatimah menenangkan perasaan suaminya dan menasihatkannya supaya tidak memikirkan hal itu. Keesokannya, pada pagi hari raya, Bendahara Seri Maharaja dan pembesar-pembesar Melaka berkumpul di Balairung Seri menanti ketibaan Sultan bagi mengucapkan Selamat Hari Raya. Bendahara telah memarahi Raja Mendeliar kerana

melanggar adat dengan bersalam dengannya sebelum menyembah Sultan Melaka terlebih dahulu. Kerana malu dengan teguran Bendahara, Raja Mendeliar telah menyimpan dendam kepada Bendahara. Pada ketika yang lain, Naina Sura Dewana telah datang ke pejabat Raja Mendeliar untuk membuat aduan tentang perahunya yang sarat muatan ketika ditahan tetapi barangan dagangannya hilang apabila perahu itu dilepaskan. Sebaliknya Naina Sura dituduh sebagai pembelot oleh Raja Mendeliar kerana menyembunyikan sesuatu di dalam perahunya. Tuduhan tersebut dinafikan oleh Naina Sura dan meminta agar perkara ini diselesaikan di hadapan Bendahara. Raja Mendeliar yang masih berdendam dengan Bendahara mendapat peluang untuk membalas dendamnya apabila Kitul menabur fitnah kononnya Naina Sura memberi emas kepada Bendahara sebagai upah untuk membunuh Raja Mendeliar. Melalui Khoja Hassan, Raja Mendeliar memfitnah Bendahara kononnya Bendahara merancang untuk merampas kuasa daripada Sultan. Akibatnya, Bendahara dan keluarganya kecuali Tun Fatimah dihukum bunuh atas titah Sultan. Apabila Tun Fatimah dibawa menghadap Sultan, beliau telah menceritakan hal sebenarnya yang berlaku dan menegaskan bahawa ayahandanya bukanlah seorang penderhaka tetapi telah difitnah oleh orang-orang yang dengki terhadapnya. Apabila Sultan menyedari kesilapannya, baginda telah menjatuhkan hukuman bunuh kepada semua orang yang terlibat dalam menyebarkan fitnah kepada Bendahara. Akhirnya, Tun Fatimah bersetuju untuk menjadi isteri Sultan.

c) Pemikiran

Drama *Bila Retak Kota Melaka* membawa pemikiran tentang konsep kesetiaan rakyat kepada raja. Drama yang berlatar belakang Zaman Kesultanan Melayu Melaka

ini memandang kesetiaan rakyat kepada raja sebagai suatu yang tidak boleh dikompromi dengan apa cara sekalipun walaupun nyawa tergadai. Konsep ini diperkuatkan lagi dengan kata-kata “Adat Melayu tak pernah derhaka” yang menjadi pegangan masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Malahan raja dianggap sebagai bayangan Tuhan dan gambaran keadilan yang tiada cacat cela dan kepincangannya. Pemikiran tentang kesetiaan ini boleh dilihat pada watak Bendahara dan Tun Fatimah yang menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Sultan walaupun Sultan telah berlaku zalim terhadap mereka. Bendahara sanggup menghadapi apa sahaja walau pun nyawanya dan nyawa keluarganya tergadai sebagai cara untuk menunjukkan kesetiaannya kepada raja. Puncak kesetiaan Tun Fatimah pula ialah apabila dia bersetuju menjadi isteri Sultan walaupun jiwanya terluka dengan pembunuhan keluarga dan suaminya.

3.1.3 Jerat

a) Biodata Pengarang

Ria Asmira adalah nama pena bagi Md. Yusof bin Ali. Beliau dilahirkan pada 24 April 1963 di Alor Setar, Kedah. Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Wan Abdul Samad dari tahun 1970 sehingga tahun 1975, dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Pokok Sena dari tahun 1976 sehingga tahun 1980. Pada tahun 1987, beliau berpeluang untuk berkursus di Institut Kemahiran MARA, Lumut, Perak selama dua tahun. Dari tahun 1994 sehingga tahun 1998, beliau

mendalami bidang penulisan dan memperolehi Diploma Penulisan Kreatif dari Akademi Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Dalam bidang penulisan, Ria Asmira banyak menghasilkan skrip drama, cerpen dan puisi. Beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank dalam genre cerpen pada tahun 1996, genre puisi dan cerpen pada tahun 1997 dan 1998. Selain itu, beliau juga pernah memenangi Hadiah Cerpen Perpaduan anjuran Jabatan Perpaduan Negara pada tahun 1995 dan Hadiah Karya Bestari majalah Karya pada tahun 1998.

Kumpulan cerpen Ria Asmira termuat dalam *Langkah* (1999) terbitan DBP dan kumpulan dramanya termuat dalam *Menanggukhan Kematian* (1999) terbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

b) Sinopsis

Lamin pulang dari sekolah ketika ibunya sedang sibuk menyiapkan makanan kegemarannya sementara ayahnya berehat sambil membaca akhbar. Lamin memberitahu ayahnya bahawa dia perlu membayar yuran sekolah dan yuran PIBG. Ayahnya berjanji untuk memberikan wang itu dalam tempoh dua hari lagi dengan syarat Lamin menolongnya mengumpulkan buah-buah kelapa untuk dijual. Pada ketika yang lain, Kudin dan Ujang gelisah menunggu kedatangan Lamin seperti yang telah dijanjikan oleh mereka bertiga. Kedatangan Lamin disambut gembira oleh Kudin dan Ujang dan mereka menceritakan hajat mereka untuk pergi menjerat binatang di hutan Bukit Tinggi hujung minggu nanti. Mereka mengajak Lamin ikut sama. Semasa Lamin

meminta kebenaran daripada ayahnya, ayahnya memberikan pandangannya dan kemudian memberi kebebasan kepada Lamin untuk membuat keputusan sendiri. Setelah berfikir, Lamin telah bersetuju untuk ikut serta kawan-kawannya pergi menjerat. Pada hari yang dijanjikan Lamin, Kudin dan Ujang pergi ke hutan Bukit Tinggi. Apabila sampai di hutan tersebut, mereka mula memasang jerat. Sementara menunggu jerat mengena mangsanya, Lamin membaca buku. Tiba-tiba Lamin dan Kudin dikejutkan oleh jeritan Ujang yang terkena perangkap sendiri. Akhirnya Ujang insaf dan berjanji tidak mahu menjerat binatang lagi.

c) Pemikiran

Drama *Jerat* membawa pemikiran yang berkisar tentang kasih sayang dan tanggungjawab kekeluargaan. Ikatan kasih sayang yang teguh merupakan asas penting bagi menegakkan sebuah keluarga yang harmonis dan bahagia, di samping memberi kesan yang positif terhadap pembentukan akhlak anggotanya. Hal ini diutarakan oleh pengarang melalui watak-watak dalam keluarga Lamin yang mengamalkan sifat kasih sayang. Kasih sayang kekeluargaan yang wujud melalui perasaan dan tindakan yang berasaskan penghargaan dan hormat-menghormati di antara mereka menjadikan mereka sekeluarga saling mempercayai dan meyakini antara satu sama lain. Persekitaran yang sedemikian telah membentuk keharmonian dalam kehidupan keluarga Lamin. Malahan perasaan kasih sayang ini bukan hanya ditujukan kepada manusia tetapi juga kepada binatang di mana Lamin dan ayahnya mempunyai sifat sayangkan binatang.

Demi perasaan kasih sayang ini membuatkan Lamin, ibu dan bapanya sentiasa melaksanakan peranan dan tanggung jawab mereka masing-masing agar keharmonian dalam keluarga berkekalan. Ibu bapa Lamin sentiasa mengingatkannya supaya menjadi insan yang berakhlak mulia. Mereka amat mengambil berat tentang Lamin dan berusaha untuk berbuat sesuatu yang boleh memberikan kebahagiaan kepada orang yang disayanginya itu. Lamin pula sentiasa menurut kata-kata ayah dan ibunya di samping tidak mengabaikan tanggung jawabnya sebagai seorang pelajar. Kesan dari didikan dan kasih sayang ini yang menjadikan Lamin seorang yang mempunyai sifat terpuji.

3.2 TEKS DRAMA TINGKATAN 2

3.2.1 Penunggu Pusaka

a) Biodata Pengarang

Zakaria Ariffin dilahirkan pada 22 Julai 1952 di Kuantan Pahang. Beliau menerima pendidikan rendah dan menengah di Kuantan sebelum melanjutkan pelajarannya di Universiti Sains Malaysia dalam bidang teater pada tahun 1975. Beliau memperolehi ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1978. Pada bulan Ogos 1978 berkhidmat di DBP sebagai Pegawai Perancang Bahasa sehinggalah beliau memilih untuk bersara awal pada tahun 1996. Beliau pernah mengikuti Program Penulisan Antarabangsa di Universiti Iowa, Amerika Syarikat pada tahun 1997. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Program Penulisan, Akademi Seni Kebangsaan.

Zakaria mula menulis skrip drama sejak tahun 1973 lagi dan beliau mula memberi perhatian yang serius terhadap teater ketika menuntut di Universiti Sains Malaysia. Beliau merupakan penulis skrip drama, pelakon dan pengarah drama pentas. Sebagai dramatis dan aktivis teater, Zakaria Ariffin diakui ketokohnya (Mohamed Ghouse Nasruddin, 1990: 27). Ketika berkhidmat di DBP, beliau menyertai Kumpulan Anak Alam di samping aktif dalam kegiatan teater bersama-sama Badan Budaya DBP. Antara drama yang pernah dipentaskan olehnya ialah *Syajar* (1980), *Mayat* (1981), *Pelayaran Inderaputra II* (1982), *Tuk Selampit* (1988), *Pentas Opera* (1989), *Raja Lawak* (1992), *Perempuan Seorang Leftenan Inggeris* (1995), *Belum Selesai* (1996), *Teja* (1997), *Imam* (1998) dan *Siti Zubaidah* (2000). Sebagai penerbit, drama terbitannya yang pertama ialah *Rumah Kedai di Jalan Seladang* yang menyertai Malaysia Fest 1989.

Zakaria juga menulis puisi, cerpen, esei dan kritikan. Antara buku-buku selenggaraannya ialah *Drama Moden Dalam Esei* (1981), *Drama Tiga Zaman* (1984) dan *Perantau Zaman*. *Pentas Opera* adalah karya beliau yang memenangi tempat kedua Hadiah drama ESSO-GAPENA II (1988/89), Hadiah Sastera Malaysia (Drama Panjang) 1988/89 dan Anugerah Sri Angkasa RTM (Skrip Drama TV Terbaik) 1988/89.

Ketokohan Zakaria dalam bidang penulisan diiktiraf apabila beliau telah dipilih sebagai penerima SEA Write Award pada tahun 2003.

b) Sinopsis

Drama ini mengisahkan tentang permasalahan pembahagian harta pusaka antara anak-anak kandung dan anak-anak tiri Anjang bin Kotot. Anjang telah mewasiatkan hartanya mengikut bahagian-bahagian tertentu kepada anak-anak kandungnya iaitu Sulung, Alang, Busu dan Ana dan anak-anak tirinya iaitu Lambak dan Siti dalam surat wasiatnya yang dibacakan oleh peguam. Lambak dan Siti tidak puas hati dengan bahagian yang diperolehi, iaitu setengah ekar tanah getah tua. Lambak telah mengetahui bahawa tanah yang diperolehi oleh adik-beradik tirinya akan melambung naik harganya apabila kerajaan membuat jalan berdekatan dengan tanah itu. Lambak dan Siti membuat pelbagai helah untuk memperdayakan anak-anak kandung Anjang supaya menjual tanah pusaka itu kepada mereka. Lambak hampir berjaya mempengaruhi Sulung supaya menjual bahagian tanahnya dengan harga RM 5,000. Alang, Busu dan Ana masih enggan menjual bahagian masing-masing walaupun telah dipujuk rayu oleh Lambak dan Siti dengan pelbagai tawaran. Keadaan ini telah memaksa Lambak menggunakan khidmat bomoh untuk melembutkan hati mereka. Rancangan Lambak diketahui oleh Busu. Busu berpura-pura menjadi “penunggu pusaka” dan telah membongkar segala tipu daya Lambak. Lambak yang merupakan seorang penakut membatalkan hasratnya untuk membeli tanah-tanah tersebut apabila “penunggu pusaka” mengatakan hendak masuk ke dalam tubuh Lambak, yang akan menjadi tuan tanah-tanah pusaka itu. Akhirnya, tanah pusaka itu dapat diselamatkan dengan kebijaksanaan Busu.

c) Pemikiran

Drama ini membawa pemikiran yang menyentuh tentang sifat ketamakan manusia yang tidak pernah bersyukur dengan apa yang diperolehinya. Pembahagian harta pusaka sering menimbulkan perselisihan faham dan menjejaskan hubungan dalam keluarga, terutamanya jika ada pihak yang cuba menguasai seluruh harta itu dengan cara tipu muslihat. Sikap tamak ini ditonjolkan melalui watak Lambak dan Siti. Keduanya yang tidak bersyukur dengan bahagian yang diperolehi seperti yang telah diwasiatkan oleh Anjang. Sebenarnya, sebagai anak tiri Anjang, mereka tidak berhak ke atas harta pusaka peninggalan Anjang. Tetapi mereka masih juga diwasiatkan untuk menerima harta pusaka tersebut. Namun oleh kerana sikap tamak yang mengelabui fikiran mereka, mereka telah lupa akan kedudukan mereka sebagai anak tiri dan telah membantah cara pembahagian yang telah diwasiatkan.

Lambak dan Siti cuba memperdaya adik-beradik tirinya supaya menjualkan tanah pusaka kepada mereka bagi mendapat keuntungan yang besar dengan menggunakan perkhidmatan bomoh. Akibatnya mereka telah ditipu oleh bomoh dan sikap mereka yang percayakan kepada perkara-perkara yang tahyul menyebabkan mereka terperangkap pula oleh tipu helah Busu.

Jelaslah bahawa pengarang ingin menyampaikan bahawa nilai kesyukuran perlu diamalkan oleh setiap manusia dalam kehidupan di dunia. Manusia yang sentiasa bersyukur adalah manusia beriman yang sentiasa mengamalkan ajaran-ajaran Islam dan menjauhi larangannya. Hanya manusia yang beriman akan bersyukur dengan apa yang

ada setelah berusaha bersungguh-sungguh mengikut cara yang diredhai oleh Allah. Manusia yang bersyukur sentiasa mengawal tingkah laku mereka daripada dikuasai oleh sifat-sifat negatif seperti sifat tamak.

3.2.2 Angin

a) Biodata Pengarang

Basaruddin Razak atau nama sebenarnya Amiruddin Md. Ali Hanafiah dilahirkan di Batu Anam, Segamat, Johor pada 12 November 1965.. Beliau mendapat pendidikan di Kota Tinggi, Johor sehingga peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia.. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajarannya dalam bidang perguruan di Institut Bahasa, Kuala Lumpur. Beliau pernah mengikuti program Diploma Pemikiran Islam dan Diploma Falsafah Sains Islam di Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam (IPI). Pada tahun 1998 sehingga tahun 2000, beliau menyambungkan pelajarannya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Basaruddin mula menulis sejak di bangku sekolah lagi khususnya pada tahun 1978. Beliau menulis dalam pelbagai bidang yang merangkumi puisi, cerpen, novel, skrip drama dan esei. Puisinya pernah tersiar di *Dewan Siswa*, *Dewan Sastera*, *Utusan Zaman* dan *Mingguan Malaysia*. Puisinya juga termuat dalam antologi bersama *Lambaian Nusa* (1991) dan *Bunga-bunga Liar* (1991). Drama pentasnya termuat dalam antologi bersama *Warisan* yang diterbitkan pada tahun 1991 dan antologi drama

remajanya yang berjudul *Pahlawan Kecil* telah diterbitkan pada tahun 1993. Cerpennya termuat dalam lebih sepuluh antologi bersama dan dalam pelbagai media tempatan, antaranya ialah *Seindah Anggerik* (1991), *Wasiat* (1991), *Terbang Jauh* (1992) dan *Baginda Puteri, Wira Kemerdekaan, Seerat Senyuman* (1993). Novel remaja yang pernah diterbitkan ialah *Berteduh Di Rimbunan Suci* (1991) dan *Merintis Impian* (1992).

Basaruddin pernah memenangi Hadiah Cereka Drama Sejarah Kebangsaan (1989), Hadiah Sagu Hati Cerpen Hari Guru Wilayah Persekutuan (1989), Hadiah Penghargaan Skrip Drama ESO-GAPENA (1990), Hadiah Sagu Hati Peraduan Esei Majlis Belia Malaysia (1990), Hadiah Cereka Cerpen Sejarah Kebangsaan (1991), dan Hadiah Sastera Darul Takzim (1996).

Basaruddin aktif dengan persatuan-persatuan penulis seperti Persatuan Penulis Johor dan KALAM. Beliau pernah menjadi Timbalan Ketua Pengarang akhbar *Suara Belia Malaysia* terbitan Majlis Belia Malaysia. Kini, beliau bertugas sebagai seorang guru di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur.

b) Sinopsis

Drama yang menggunakan watak-watak unsur alam ini bermula dengan persengketaan yang berlaku di antara Angin dan Matahari tentang kehebatan kuasa dan kepentingan masing-masing kepada manusia. Masing-masing mengaku lebih hebat kekuasaannya dan bersetuju untuk bertanding bagi menguji siapa yang lebih berkuasa. Matahari bertemu pula dengan Awan dan Hujan, dan dalam pertemuan tersebut Awan

dan Hujan telah mengajak Matahari bersatu untuk bersama-sama membantu manusia di bumi. Matahari tidak bersetuju dan dengan angkuhnya mengajak Awan dan Hujan membuktikan siapa yang lebih berkuasa. Hujan yang ingin membantu manusia daripada bahang kepanasan Matahari telah menyebabkan banjir dan telah menutup rezeki manusia. Hujan menjadi serba salah apabila dipersalahkan oleh manusia akibat kesusahan yang telah dilakukan. Matahari dengan sombongnya memberi pengakuan untuk membantu manusia. Sementara itu, Angin membawa abangnya Ribut dan Taufan serta bapa saudaranya Puting Beliung untuk menentang Matahari. Ketika bersiap sedia untuk beradu tenaga bagi membuktikan kekuatan dan kehandalan masing-masing, kedengaran suara yang meminta agar persengketaan itu dihentikan.

c) Pemikiran

Drama *Angin* membawa pemikiran tentang kemanusiaan yang hancur akibat sifat-sifat negatif manusia. Pemikiran ini yang digarap melalui watak-watak bukan manusia merupakan sindiran kepada sifat-sifat negatif manusia seperti angkuh, sombong, suka merendah-rendahkan kemampuan atau peranan orang lain. Setiap satu watak itu mewakili sifat yang ada pada manusia. Ada manusia yang bersifat seperti Angin yang dingin dan menyejukkan tetapi boleh bertukar menjadi ganas dan memusnahkan apabila menjadi ribut, taufan dan puting beliung. Hal ini memberi gambaran bahawa manusia yang meninggi diri dan sombong boleh mendatangkan kesusahan kepada orang lain.

Matahari bersifat sombong, takbur, suka merendahkan kemampuan orang lain dan pemarah. Ia bangga kerana orang takut kepadanya dan juga kerana jasanya yang banyak kepada manusia. Sikapnya mudah marah apabila kemahuannya dibantah. Manusia yang berwatak seperti Matahari adalah manusia yang mementingkan diri sendiri. Apabila manusia dikuasai oleh sifat-sifat negatif ini, mereka akan bertelagah sesama sendiri dan fenomena ini tidak akan memberi sebarang manfaat kepada kehidupan manusia.

Selain itu, sikap manusia yang sering menyalahkan orang lain apabila timbul sesuatu masalah merupakan pemikiran yang ingin diketengahkan oleh pengarang. Manusia sering bersifat ego dan enggan mengaku kelemahan atau kekurangan dirinya. Dalam hal ini, pengarang seolah-olah cuba mengajak khalayaknya untuk membuat muhasabah diri serta mengambil iktibar daripada apa yang berlaku dalam masyarakatnya.

3.2.3 Buyung

a) Biodata Pengarang

Jahara Alias dilahirkan pada 12 Disember 1960 di Jeram, Kuala Selangor. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Jeram (1967-1972) dan Sekolah Menengah Sri Tanjung (1973-1977) di Kuala Selangor. Pada tahun 1982, beliau berpeluang untuk mengikuti Kursus Penulisan Kreatif di Universiti Sains Malaysia,

Pulau Pinang. Beliau juga pernah bertugas sebagai wartawan majalah *Keluarga*, *Mingguan Wanita*, *Sarina*, *Perempuan* dan Jurulatih Bahasa di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kini, beliau mengusahakan perniagaan sendiri.

Sebagai penulis, Jahara banyak menghasilkan karya dalam genre drama (televisyen dan pentas), novel dan cerpen. Antara skrip drama televisyen beliau ialah *Salah Sangka*, *Kehilangan*, *Harapan Semalam* dan *Air Dicincang Tak Akan Putus*, *Bukan Impian*, *Sayang Padamu*, *Bayangan Semalam* dan *Penghujung Kasih*. Novel kanak-kanak yang dihasilkan oleh beliau ialah *Tumpas* (1988), *Rahsia Kotak Kaca* (1989) dan *Sekuntum Mawar Merah* (1989).

Ketokohan Jahara dalam bidang penulisan telah diktiraf apabila beliau telah meraih beberapa hadiah pertandingan. Beliau telah memenangi Hadiah Pertama dalam Pertandingan Drama Berunsur Islam (1990) melalui dramanya yang berjudul *Tinggal Harapan*. Drama *Anak Wayang* telah memenangi Hadiah Drama Pentas anjuran Yayasan Seni dan Berita Harian pada tahun 1991, manakala drama *Ayang-ayang* memenangi Hadiah Drama Sebabak, anjuran Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA) pada tahun 1992. Cerpennya yang berjudul *Keinsafan* memenangi Hadiah Cerpen Berunsur Islam, Selangor pada tahun 1980.

b) Sinopsis

Drama *Buyung* mengisahkan tentang Tuan Puteri Bunga Tanjung, puteri kepada Raja Alam Syah yang asyik bermuram, tidak mahu bercakap dan ketawa. Pelbagai

usaha telah dilakukan untuk memulih Tuan Puteri tetapi semuanya menemui kegagalan. Kemudian datang seorang ahli nujum yang mengatakan bahawa penyakit Tuan Puteri hanya boleh diubati oleh seorang pemuda yang tinggal di hujung negeri bersama ibu tuanya. Raja Alam Syah menitahkan agar pemuda tersebut yang bernama Buyung dibawa ke istana. Sampai di istana, Raja Alam Syah menceritakan tujuan Buyung dibawa mengadap baginda. Walaupun Buyung bukan seorang bomoh, tetapi dia telah menggunakan kebolehan pandai bercerita untuk mengubati Tuan Puteri. Tuan Puteri amat berminat dan terhibur mendengar cerita Buyung. Akhirnya, Tuan Puteri kembali ceria. Melihatkan kemesraan yang ditunjukkan oleh Tuan Puteri terhadap Buyung, Raja Alam Syah telah menjodohkan Buyung dengan puterinya itu.

c) Pemikiran

Drama *Buyung* mengutarakan pemikiran bahawa kebijaksanaan adalah kekuatan diri yang mampu membawa individu kepada kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan. Pemikiran ini disampaikan melalui watak Buyung, seorang pemuda miskin tetapi bijak. Buyung berterus terang kepada raja bahawa dia hanya boleh bercerita dan tidak mempunyai ilmu untuk mengubati orang sakit ketika Raja Alam Syah menitahkannya untuk mengubati Tuan Puteri. Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh Buyung apabila dia menggunakan kebijaksanaannya bercerita dengan menyelitkan unsur-unsur lucu sehingga akhirnya berjaya mengubati penyakit Tuan Puteri. Kebijaksanaan dan ditambah pula dengan kekejujuran Buyung telah mengukuhkan peribadinya sehingga dapat menarik perhatian raja dan permaisuri, malahan telah berjaya memikat hati puteri raja. Kebijaksanaan Buyung juga telah mengubah statusnya

daripada seorang anak muda yang miskin menjadi menantu raja yang hidup mewah di istana. Pengarang jelas ingin menyampaikan bahawa kekuatan seseorang individu itu bukan terletak pada kekayaan atau kedudukannya, tetapi kebijaksanaan menggunakan akal yang dibimbing oleh jiwa yang suci.

3.3 TEKS DRAMA TINGKATAN 3

3.1 Asar Belum Berakhir

a) Biodata Pengarang

A. Rahim Abdullah yang juga menggunakan nama pena Rahim M.I, Penaindera, dan Ibnu Abdullah dilahirkan di Kampung Behor Inai, Kangar, Perlis pada 21 Jun 1948. Beliau mendapat pendidikan awal di beberapa buah sekolah di Kangar dan Arau sebelum melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah sehingga Tingkatan Enam.

Setelah menamatkan persekolahannya, Rahim bekerja dalam bidang insuran dari tahun 1972 hingga 1978. Selepas itu, beliau berpindah ke DBP sebagai Pembantu Penyelidik. Pada tahun 1982, beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya dalam bidang Penulisan Kreatif dan Deskriptif dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1985. Beliau kembali bertugas di DBP sebagai Pegawai Perancang Bahasa di Unit Penyelidikan Sastera Moden, Bahagian Sastera setelah menamatkan

pengajiannya di Universiti Malaya. Mulai tahun 1994, Rahim bertugas sebagai Ketua Unit Sastera di akhbar *Berita Harian*. Beliau kini ialah penulis bebas, setelah menamatkan perkhidmatannya di *Berita Harian* pada April 1999.

Rahim menulis dalam genre puisi, cerpen, novel, drama, esei dan kritikan. Beliau mula menulis sejak tahun 1966 dan cerpennya yang bertajuk *Datuk* pernah memenangi Hadiah Saguhati Sayembara Cerpen ESSO-GAPENA yang pertama pada tahun 1979. Kumpulan cerpennya termuat dalam *Potret di atas Piano* (1983), *Setulus Hatimu* (bersama, 1986) dan *Antara Hujan dan Harapan* (1993). Sementara novel remajanya berjudul *Selagi Dusunku Berbuah* diterbitkan pada tahun 1987.

Antologi puisi Rahim termuat dalam *Catatan Orang Berdua* (bersama, 1981), *Kuntum Pertiwi* (1983), *Titian Senja* (1985), *Sinaran Permata* (1987) dan *Puisi Bahasa Melayu 1961-1986* (1990). Manakala kumpulan puisinya berjudul *Arah Pengalaman* diterbitkan pada tahun 1991 dan *Kembara Arjuna* diterbitkan pada tahun 1992.

Dalam bidang drama, Rahim melibatkan diri sebagai seorang penulis skrip, pengarah, penerbit dan pengkritik. Beliau pernah mengarah drama *Serunai Malam*, karya Usman Awang semasa mengikuti kursus di Pusat Latihan Belia Negara, Pertak. Beliau juga pernah menulis skrip drama *Teluk Gelam* dan mengarahkannya bersama A. Bakar Hamid pada tahun 1972 sempena malam Gabungan Pelajar Melayu Semananjung (GPMS). Dalam drama *Zaman Gerhana* yang dipentaskan di DBP pada tahun 1986, Rahim bertindak sebagai penolong penerbit, dan sebagai penolong pengarah drama *Abu* karya B. Sularto yang dipentaskan pada tahun 1991 di Pusat Pembinaan dan

Pengembangan Bahasa, Jakarta, sempena majlis penutupan Penataran Penelitian Kesusasteraan 1991. Kumpulan dramanya yang berjudul *Penjual Bunga* telah diterbitkan pada tahun 1992.

Kejayaannya dalam penulisan drama diiktiraf apabila dramanya yang berjudul *Asar Belum Berakhir* mendapat hadiah kedua Peraduan Menulis Drama Islam sempena Abad ke 15, yang dianjurkan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri pada 7 November 1980. Kajiannya yang bertajuk *Pemikiran Sasterawan Nusantara: Satu Perbandingan* (1994) mendapat Hadiah Sastera Malaysia untuk tahun 1994/1995. Sementara sajak *Cinta Nusantara* mendapat Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1998.

b) Sinopsis

Asar Belum Berakhir memaparkan kisah yang berlaku pada waktu Asar. Orang Tua yang duduk di sebuah bangku berhampiran surau telah didatangi Imran, seorang kanak-kanak yang hendak ke surau telah dengan sopan mengajaknya bersama tetapi dia menolak. Kerajinan Imran menunaikan ibadat kepada Allah telah memberi kesedaran kepada Orang Tua. Kemudian Yatim, seorang pemuda buta yang lalu di situ juga mengajak Orang Tua bersama ke surau tetapi dia mengatakan dirinya kotor dan tidak tahu sembahyang. Yatim sedikit demi sedikit cuba menyedarkan Orang Tua dan akhirnya dia berasa insaf kerana tidak mempunyai pengetahuan agama sehingga menyebabkan dia dan anak-anaknya menjadi jahil. Orang Tua sedih kerana kekayaan yang ada padanya dahulu tidak digunakan ke arah kebaikan. Dia menyesal dan merayu Yatim mengajarnya agama dan dia ingin bertaubat. Orang Tua yang masih mempunyai

sebidang tanah berhampiran surau milik arwah isterinya bercadang untuk menyerahkan tanah itu kepada orang-orang kampung supaya mereka dapat membina masjid baru dalam kawasan yang lebih luas. Hasratnya itu telah disambut dengan baik oleh Yatim dan terus memujuknya untuk mengerjakan perintah Allah. Akhirnya, Yatim dan Orang Tua pergi ke surau untuk menunaikan sembahyang Asar sebelum waktu berakhir.

c) Pemikiran

Asar Belum Berakhir membawa pemikiran bahawa setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan kembali ke jalan Allah. Manusia dalam menelusuri pentas kehidupan ini sering mengabaikan peranan dan tanggungjawabnya sebagai makhluk Allah di muka bumi ini. Mereka leka dengan segala kemewahan yang dimiliki sehinggalah mereka terdesak dan kehilangan segala nikmat yang Allah berikan. Pemikiran ini digambarkan melalui watak Orang Tua, anak orang kaya. Dia hidup dalam kemewahan tetapi tanpa pelajaran kerana ibu bapanya tidak mementingkan ilmu untuk dibekalkan kepada anak mereka. Apabila Orang Tua dewasa, dia telah menghabiskan harta pusaka yang ditinggalkan oleh ibu bapanya dengan tidak menggunakan harta tersebut ke jalan kebaikan. Apabila segala kemewahan dan kekayaannya telah hilang serta kematian isteri yang disayanginya, dia seolah-olah hilang pedoman hidup dan menyesali nasib yang menimpa ke atas dirinya.

Dalam drama ini, pengarang ingin menyampaikan bahawa apabila manusia terlahak melakukan kejahatan, maka hendaklah bertaubat dan kemudian segera pula melakukan kebaikan bagi membuktikan kesungguhan hasrat itu untuk bertaubat dengan

sebenarnya taubat. Orang Tua digambarkan telah insaf dan ingin mendekati diri kepada Allah. Dia yang menyadari akan kesalahannya yang lalu serta kekurangan ilmu agamanya merayu kepada Yatim agar mengajarnya. Kesungguhan taubatnya diperkukuhkan oleh pengarang apabila dia ingin mendermakan sekeping tanah arwah isterinya untuk dijadikan tapak masjid.

3.3.2 Adik Berjasa

a) Biodata Pengarang

Abdul Rahman Hanafiah yang lebih dikenali dengan nama “Mana Sikana” dilahirkan di Bagan Serai, Perak pada 9 Oktober 1945. Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Umum Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Pada tahun 1960 beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Izzuddin Shah, Ipoh, sebuah sekolah menengah agama berpengantar bahasa Arab. Pada tahun 1967, Mana Sikana mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Setelah tamat kursus perguruannya, beliau telah bertugas di beberapa buah sekolah di Johor Bahru. Mana Sikana melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974 dan memperolehi ijazah Sarjana Muda Persuratan Kelas Pertama pada tahun 1978. Beliau memperolehi ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1980 dan ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1990. Profesor Madya Universiti Kebangsaan Malaysia ini telah bersara pada tahun 2000, dan mulai Januari 2001 beliau bertugas secara kontrak di Nanyang Institute of Education, Singapura sebagai pensyarah.

Mana Sikana merupakan seorang penulis yang prolific dan menulis dalam genre cerpen, novel, drama, esei dan kritikan sastera. Beliau mula menulis cerpen sejak di bangku sekolah lagi dan banyak karya cerpennya tersiar dalam akhbar dan majalah pada ketika itu. Pada tahun 1964 cerpennya yang berjudul *Kawan yang Berbudi dan yang Berduri* tersiar dalam akbar *Berita Harian*, dan kejayaan itu menjadi galakan kepadanya untuk terus berkarya. Sementara cerpennya yang berjudul *Detik Pertemuan* telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia 1983/1984. Beliau gemar mengolah tema agama secara intelektual, falsafah dan keislaman. Kebelakangan ini, kebanyakan cerpen beliau berbentuk absurd, tetapi bukannya mengikut falsafah absurditi Barat yang putus daripada agama. Beliau lebih menekankan aspek kemustahilan dan keluarbiasaan yang akhirnya masih menepati konsep sastera Islam. Cerpen non-konvensional yang mencabar pemikiran pembaca adalah kelebihan yang terdapat dalam cerpen-cerpen Mana Sikana.

Walaupun semua genre penulisan diceburinya, Mana Sikana lebih serius dalam bidang drama sebagai penulis, pengkaji dan pengkritik. Beliau telah mula menghasilkan drama sejak di alam persekolahan lagi. Sewaktu menuntut di maktab perguruan dan selepas itu mengajar di Johor Bahru, beliau terus bergiat dalam penulisan drama radio dan televisyen. Tiga buah karyanya yang penting dalam bidang drama ialah *Drama Melayu Moden: Perkembangan dan Perubahan* (1980), *Di Sekitar Pemikiran Drama Moden* (1989) dan *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti* (1994).

Sebagai seorang tokoh akademik dan sasterawan prolific, Mana Sikana banyak mencetuskan idea dalam pembinaan teori kesusasteraan Melayu Moden dan konsep Sastera Islam, sama ada dalam bentuk esei mahupun dalam kertas-kertas kerja yang disampaikan. Sehingga kini beliau telah menghasilkan lebih daripada 100 buah buku, antaranya, *Aliran dalam sastera Melayu* (1982), *Teras Sastera Melayu Moden* (1982), *Pemikiran Islam dalam Sastera Melayu* (1983), *Sastera Islam Di Malaysia* (1983), *Tok Awang* (1984), *Abzyx* (1986), *Kritikan Sastera: Teori dan Kaedah* (1986), *Perkembangan dan Perubahan Drama Melayu Moden* (1989), *Teori Kesusasteraan Moden: Strukturalisme, Semiotik, Stilistik, Psikoanalisis, Resepsi, Intertekstualiti* (1990) dan *Sastera Melayu Moden: Perubahan dan Tamadun* (1991).

Sepanjang penglibatannya dalam bidang penulisan, Mana Sikana telah memenangi pelbagai hadiah dan anugerah. Antaranya, Hadiah Saguhati Peraduan Mengarang Drama anjuran Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (1969), Anugerah Sri Angkasa bagi skrip drama radio dan skrip drama TV terbaik (1973), Hadiah Saguhati Menulis Esei/Kritik DBP (1977), penulis terbaik *Dewan Sastera* (1978), Hadiah Sastera Universiti Kebangsaan Malaysia (1978 dan 1980), Hadiah Saguhati Peraduan Menulis Novel Fiksyen Sains Kanak-Kanak DBP (1980), Hadiah Ketiga Peraduan Menulis Skrip Drama Berunsur Islam Sempena Abad 15 Hijrah (1980), dan Hadiah Ketiga Peraduan Menulis Novel Sejarah Kanak-Kanak DBP (1981).

b) Sinopsis

Drama *Adik Berjasa* mengisahkan tentang Ahmad yang membuat keputusan untuk berhenti sekolah dan bekerja di kilang bagi membantu kehidupan keluarganya apabila ayahnya sakit. Dia bercadang untuk belajar kelas malam bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Hasrat Ahmad mendapat restu ayahnya Pak Khamis tetapi adiknya Murad tidak bersetuju dengan hasrat Ahmad. Murad berbincang dengan kawan-kawan pengakapnya, Hassan dan Nazim tentang hasrat abangnya dan mereka merancang untuk membuat sesuatu agar Ahmad tidak berhenti sekolah. Secara kebetulan ada berita di akhbar mengenai anak seorang jutawan yang diculik dan sesiapa yang dapat menyelamatkan anak jutawan itu akan mendapat hadiah seratus ribu ringgit. Mereka mengesyakki tempat persembunyian penjahat-penjahat tersebut tidak jauh dari tempat perkhemahan mereka. Mereka cuba menjejaki penjahat-penjahat tersebut dan akhirnya mereka ternampak sebuah gua dekat kaki gunung. Dari jauh mereka ternampak anak jutawan yang diikat tangannya di dalam gua dan ada orang yang mengawal di pintu gua tersebut. Sedang mereka asyik memerhatikan keadaan gua tersebut tiba-tiba dua orang penjahat muncul dari belakang dan menangkap mereka, tetapi Murad dapat melepaskan diri. Murad memberitahu Pak Khamis, Ahmad dan juga pihak polis perkara yang berlaku. Setelah berbincang, Murad dan Ahmad mengambil keputusan untuk pergi ke gua tersebut bagi menyelamatkan Hassan, Nizam dan anak jutawan itu. Murad menyusup masuk ke dalam gua dan berjaya membawa keluar Hassan, Nizam dan anak jutawan ke tempat di mana Ahmad sedang menunggu. Tidak lama kemudiannya, polis yang menyamar sebagai jutawan datang untuk menyerahkan wang tebusan. Apabila penjahat-penjahat itu sedang bergembira dengan wang tebusan

tersebut, polis yang menyamar itu mengacukan pistolnya dan mengarahkan penjahat-penjahat itu supaya menyerah diri. Akhirnya penjahat-penjahat itu tertangkap. Murad diberi hadiah sebanyak seratus ribu ringgit dan Ahmad dapat meneruskan persekolahannya.

c) Pemikiran

Adik Berjasa mengutarakan pemikiran tentang tanggungjawab kekeluargaan. Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi menjaga keutuhan dan kebajikan keluarganya. Apabila setiap anggota keluarga dapat memainkan tanggungjawab mereka dengan berkesan maka keluarga tersebut akan dapat mengekalkan kedinamikannya, dan begitu juga sebaliknya. Namun demikian, dalam usaha untuk melaksanakan tanggungjawab ini kadang kala memerlukan pengorbanan sesetengah anggotanya. Pemikiran ini disampaikan melalui watak Ahmad yang sanggup memikul tugas untuk menampung perbelanjaan keluarganya apabila ayahnya sakit. Sebagai anak sulung dalam keluarganya, Ahmad berpegang bahawa adalah menjadi kewajipannya untuk mencari wang agar kedua-dua adiknya boleh terus bersekolah. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Ahmad cuba melaksanakannya sesempurna yang mungkin tanpa mengabaikan dirinya sendiri. Walaupun membuat keputusan untuk berhenti sekolah dan bekerja, namun dia tetap belajar sekolah malam bagi menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Secara tidak langsung pengarang memberi peringatan bahawa pelajaran penting dalam meningkatkan kedinamikan sesebuah keluarga itu. Hanya dengan adanya

pelajaran, sesebuah keluarga itu akan dapat keluar daripada kemiskinan dan kedaifan yang dialami. Ahmad pentingkan pelajaran dan dia bertanggungjawab untuk memastikan adik-adiknya terus bersekolah. Begitu juga dengan Murad, adik Ahmad yang tidak bersetuju abangnya berhenti sekolah walaupun Ahmad bercadang untuk belajar sekolah malam. Murad tetap inginkan abangnya teruskan persekolahan agar dapat belajar dalam keadaan yang lebih sempurna.

3.3.3 Jalan Sempit

a) Biodata Pengarang

Amelia Hashim dilahirkan pada 25 Januari 1954 di Gurun, Kedah. Selain daripada skrip drama radio, televisyen dan pentas, beliau juga menghasilkan cerpen dan novel. Banyak drama radio dan televisyen yang dihasilkannya disiarkan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV 3). Amelia pernah menerima hadiah Sri Angkasa bagi Cerita Radio Terbaik pada tahun 1989 dan hadiah sagu hati untuk drama pentas sebabak yang berjudul *Jalan Sempit* anjuran Majlis Teater Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1992 beliau memenangi hadiah pertama peraduan Menulis Skrip Drama TV anjuran Badan Pencegah Rasuah dan *Berita Harian*. Beliau telah menghasilkan dua buah novel iaitu *Di Pinggir Ceria* (1991) dan *Ku Dengar Suaramu* (1994) serta beberapa buah cerpen yang dimuatkan dalam beberapa antologi bersama. Kini beliau bertugas sebagai penolong editor *Warta Darul Aman* dan pemberita sambilan di *Berita Harian*, cawangan Alor Setar, Kedah.

b) Sinopsis

Drama *Jalan Sempit* merupakan drama sebabak yang mengisahkan tentang kepincangan masyarakat di sebuah kampung. Masalah timbul apabila sebidang tanah kosong bersebelahan dengan lorong keluar ke jalan raya telah terjual. Pemilik baru tanah tersebut telah memagar sekeliling kawasan tanahnya menyebabkan lorong yang menjadi laluan utama ke jalan raya menjadi sempit dan pemuda-pemuda kampung tidak ada lagi tempat untuk dijadikan padang permainan. Kamal dan Azman, yang mewakili pemuda-pemuda kampung telah mengadu kepada Penghulu masalah mereka dan meminta Penghulu carikan satu kawasan baru untuk dijadikan padang permainan. Sedang mereka berbincang, datang pula Joyah dan Dollah yang bertelagah berpunca dari lorong sempit itu. Joyah menuduh Dollah bertindak kurang sopan apabila mengikutnya terlalu dekat di belakang serta membunyikan enjin motornya dengan kuat. Dollah menafikan tuduhan Joyah dan timbul tuduh-menuduh di antara mereka. Tiba-tiba muncul pula Leman dalam keadaan marah mengadu kepada Penghulu bahawa ada orang membuat perkara tidak senonoh kepada anak gadisnya, Munirah ketika melalui lorong itu. Belum sempat Leman menceritakan kejadian yang berlaku, muncul pula Mamat yang memegang Murali dan Ramli memegang Ah Chong dalam keadaan kedua-duanya meronta-ronta. Murali, penjual roti dan Ah Chong, peniaga ayam itik bergaduh apabila masing-masing tidak mahu mengalah semasa hendak berselisih di lorong sempit itu. Akibatnya roti-roti Murali jatuh bertaburan ke dalam sawah dan habis ayam itik Ah Chong terlepas. Masing-masing menuntut ganti rugi. Mereka berbincang dan masing-masing memberi pendapat cara-cara untuk mengatasi masalah yang timbul. Sedang mereka berbincang, datang pula Lebai Dahaman dalam keadaan marah kerana dia ada

mendengar khabar angin bahawa sebuah kilang hendak didirikan kilang dalam kawasan yang berpagar itu. Mereka tidak bersetuju dan akan mengemukakan bantahan sekiranya kawasan berpagar itu hendak didirikan kilang atau pusat hiburan kerana dikuatiri akan mendatangkan masalah kepada kampung mereka. Dalam pada itu, Sabihah pula mengemukakan cadangan agar lorong itu dilebarkan. Mendengar cadangan Sabihah, Lebai Dahaman melenting dan tidak membenarkan lorong itu dilebarkan masuk ke sempadan tanahnya.

c) Pemikiran

Drama *Jalan Sempit* mengutarakan pemikiran tentang pentingnya sikap toleransi dan timbang rasa sebagai asas yang kukuh bagi membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu demi untuk kepentingan bersama. Dalam kehidupan bermasyarakat, semasa berinteraksi atau menjalani urusan seharian kadang kala boleh menimbulkan salah faham dan ketidakpuasan kepada pihak yang tertentu. Tanpa adanya sikap toleransi suasana aman damai dalam masyarakat tidak akan dapat diwujudkan. Pemikiran ini disampaikan melalui watak-watak Joyah, Leman, Murali dan Ah Chong yang tidak sanggup untuk bertolak ansur, sabar serta mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan.

Sesuatu tindakan yang hendak diambil sepatutnya mengambil kira keperluan dan kepentingan anggota masyarakat yang lain. Tanpa sikap bertimbang rasa, anggota masyarakat tidak akan memikirkan hal-hal yang boleh memberi sumbangan kepada kepentingan bersama tetapi sebaliknya akan lebih mementingkan diri sendiri. Hal ini

paparkan oleh pengarang melalui watak Lebai Dahaman apabila dia tidak mengizinkan lorong itu dilebarkan dalam kawasan sawahnya walaupun dia sedar akan keperluannya bagi masyarakat kampung itu. Begitu juga dengan pemilik baru tanah lapang yang terjual itu apabila dia memagarkan sekeliling kawasan tanahnya telah menyebabkan lorong laluan utama bersebelahannya menjadi sempit tanpa bertimbang rasa terhadap masyarakat setempat. Keadaan ini bukan sahaja mendatangkan banyak masalah kepada penduduk malahan telah menimbulkan keadaan yang tidak harmoni dalam masyarakat.

3.4 TEKS DRAMA TINGKATAN 4

3.4.1 Serunai Malam

a) Biodata Pengarang

Usman Awang (Allahyarham) yang juga terkenal dengan nama pena Tongkat Warrant dilahirkan di Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor pada 12 Julai 1929. Beliau bersekolah di Kuala Sedili (1936), Mersing (1937) dan Muar (1940) sehingga lulus darjah enam. Kehidupan keluarganya yang miskin tidak membenarkan beliau untuk mengecap kejayaan yang lebih jauh dalam bidang pendidikan. Selain nama Tongkat Warrant, Usman juga memakai nama lain sebagai penulis seperti Adi Jaya, Amir, Atma Jiwa, Manis, Pengarang Muda, Rose Murni, Setiabudi, U.A. dan Zaini. Usman Awang meninggal pada hari Khamis, 29 November 2001.

Semasa pendudukan Jepun, Usman pernah menjadi petani, buruh paksa, budak pejabat dan Pasukan Polis Jepun (Botai). Apabila Inggeris memerintah Tanah Melayu, Usman menjadi polis. Ketika menjalankan tugas di Melaka, beliau berkenalan dengan guru-guru Melayu dan dari situlah bermula kegiatan penulisannya. Banyak tulisan awalnya tersiar dalam ruangan khas Pasukan Keselamatan yang diadakan oleh *Utusan Melayu*.

Usman berhijrah ke Singapura pada tahun 1951 setelah meletakkan jawatan dari pasukan polis. Beliau menjadi pembaca pruf akhbar *Melayu Raya* dan kemudiannya menjadi anggota sidang pengarang *Mingguan Melayu*, terbitan *Melayu Raya*. Pada tahun 1952, Usman berpindah ke *Utusan Melayu* sebagai anggota sidang pengarang. Pada tahun 1961, beliau turut terlibat dalam peristiwa pemogokan *Utusan Melayu*. Pada tahun 1962, beliau berkhidmat pula di Penerbitan Federal sebelum berpindah ke Dewan Bahasa dan Pustaka setahun kemudiannya sehinggalah beliau bersara pada bulan Julai 1985. Di Dewan Bahasa dan Pustaka, beliau pernah bertugas sebagai sidang pengarang *Dewan Bahasa*, *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera* dan *Dewan Budaya* dan memegang jawatan terakhirnya sebagai Ketua Bahagian Pembinaan dan Pembangunan Sastera.

Usman Awang merupakan seorang tokoh ASAS 50. Dengan memegang slogan "Seni Untuk Masyarakat" ASAS 50 telah menyediakan latar ruang kepada penglibatan dan perjuangan Usman sebagai sasterawan yang menulis untuk rakyat. Beliau berpendirian bahawa sastera boleh memainkan peranan dalam membela nasib rakyat. Pemikiran ini dipancarkan melalui karya-karya yang dihasilkannya.

Dalam bidang penulisan, Usman telah menulis lebih 50 tahun. Beliau mula membentuk namanya dalam dunia persuratan Melayu moden dalam genre sajak. Beliau mula menghasilkan karya sejak tahun 1948 lagi. Di antara sajaknya yang popular ialah *Bunga Popi*, *Pak Utih* dan *Ke Makam Bonda*. Karya-karyanya terkumpul dalam antologi sajak *Gelombang* (1961), *Kaki Langit* (1970), *Duri dan Api* (1971), *Salam Benua* (1982) dan *Puisi-puisi Pilihan Usman Awang* (1987). Beliau juga menulis cerpen tetapi hanya aktif pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an sahaja. Antologi cerpennya yang bertajuk *Degup Jantung* diterbitkan pada tahun 1963. Beliau pernah menghasilkan sebuah novel yang diberi judul *Tulang-tulang Berserakan* pada tahun 1966.

Usman Awang juga terkenal dalam bidang drama. Beliau mula menulis drama sejak awal tahun enam puluhan dan telah menghasilkan sejumlah 22 buah drama. Di antara dramanya yang berjaya ialah *Matinya Seorang Pahlawan* (1961), *Dari Bintang Ke Bintang* (1965), *Serunai Malam* (1966), *Tamu di Bukit Kenny* (1968), *Di Bawah Matahari* (1969), *Tirai Zaman* (1969) dan *Muzika Uda dan Dara* (1976).

Sebagai penyair dan dramatis, Usman pernah diundang melawat Amerika Syarikat, Indonesia, Filipina dan Rusia. Beberapa buah karyanya telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Korea, Perancis, Thai, Czechoslovakia, Denmark, Tamil, Itali dan Rusia dan merupakan penyair Melayu yang pertama memasuki era antarabangsa. Pada tahun 1972, Usman telah diumumkan sebagai salah seorang penerima Hadiah Sastera bahagian puisi, tetapi beliau telah menolak pemberian tersebut kerana tidak menyetujui dasar penilainnya (Dinsman dan Sutung Umar Rs, 1983: 18). Selain itu, beliau telah dianugerahkan "Pejuang Sastera" (1976), *S.E.A Write Award*

(1982), Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Malaya (1983), Anugerah Sasterawan Negara (1983), Anugerah Penyair Johor (1995) dan gelaran “Seniman Agung” (1999) oleh Kumpulan Utusan Melayu. Beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Dato’ Paduka oleh Baginda Sultan Perak pada tahun 1991, yang membawa gelaran Dato’.

b) Sinopsis

Safiah menunggu dengan resah kedatangan tunangnya, Umar sebagaimana yang telah dijanjikan. Umar tiba terlewat sedikit kerana sibuk dengan persiapan terakhir bagi konvokesyen di universitinya yang akan berlangsung pada jam 2.30 petang hari itu. Kedatangan Umar disambut oleh ibu Safiah. Safiah yang telah merajuk kerana kelewatan Umar muncul dan seterusnya mereka berbincang tentang soal kerjaya Umar. Umar ingin mengambil diploma pendidikan bagi membolehkannya menjadi guru selepas tamat pengajian. Safiah tidak bersetuju dengan hasrat Umar, sebaliknya mahukan Umar berkhidmat di *Foreign Service* atau pegawai MSC kerana dia berhajat benar untuk tinggal di luar negara. Majid, ayah Umar tiba dari kampung ketika Umar keluar kerana ada urusan berkaitan dengan konvokesyennya. Majid membawa buah-buahan dari kampung dan disambut mesra oleh Safiah dan ibunya. Tidak lama selepas itu Umar datang balik ke rumah Safiah setelah menyelesaikan urusannya. Ketika Majid masuk untuk bersembahyang, Umar terus berdebat dengan Safiah tentang kerjayanya. Mereka bertelingkah dan Safiah menangis. Umar memujuk Safiah dan akhirnya Safiah bersetuju untuk menuruti kehendak Umar. Umar mengimbas kembali kenangan lama di Selat Tebrau dan kebahagiaan terpancar di wajah mereka.

c) Pemikiran

Serunai Malam membawa pemikiran tentang semangat patriotisme. Semangat ini disalurkan melalui watak Umar yang berjiwa kebal dan bertekad untuk berbakti kepada anak-anak bangsa di pedalaman setelah mendapat ijazahnya nanti. Kesedaran Umar adalah didorong oleh latar belakang kehidupannya sendiri. Umar menyedari bahawa orang-orang kampung memerlukan bimbingan ke arah hidup yang lebih baik. Umar mengetahui penderitaan orang-orang kampung kerana dia sendiri adalah sebahagian daripada kehidupan itu. Menurut Mana Sikana (1989: 124), pengarang secara didaktis dan ideal cuba membincangkan unsur-unsur yang menyebabkan kemunduran daerah pedalaman. Usaha membangunkan desa adalah salah satu dasar kerajaan, dan dalam hal ini pengarang turut serta mendramatikkan detik-detik manusia sezaman dengannya untuk sama-sama melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

Pengarang memberi gambaran melalui watak Safiah, tunang Umar, bahawa terdapat golongan dalam masyarakat yang terlalu mementingkan kekotaan dari kedesaan demi untuk kepentingan diri sendiri. Umar pula digambarkan sebagai penentang jaluran pemikiran tersebut.

3.4.2 Titik-titik Perjuangan

a) Biodata Pengarang

Kala Dewata adalah nama pena bagi Mustapha Kamil Bin Yassin. Beliau dilahirkan pada 1 Julai, 1925 di Kajang, Selangor. Beliau mendapat pendidikan sekolah rendah aliran Melayu dan meneruskan pendidikan sekolah menengah dalam aliran Inggeris. Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya, Singapura sehingga memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera. Beliau kemudiannya mengikuti kursus perguruan selama setahun di universiti yang sama.

Kala Dewata bertugas sebagai guru di beberapa buah sekolah sebelum dilantik sebagai pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur pada tahun 1959. Beliau kemudiannya berpeluang melanjutkan pelajarannya ke Universiti Indiana, Amerika Syarikat dalam bidang drama dan teater dan memperolehi Ijazah Sarjana pada tahun 1967. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah bertugas sebagai pensyarah pendidikan drama dan penulisan kreatif di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Beliau adalah orang yang bertanggung jawab memperkenalkan pengajian drama di universiti tersebut.

Beliau sekali lagi ke Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat doktor falsafah juga di Universiti Indiana dan memperolehi ijazah kedoktorannya pada tahun 1975. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah bertugas sebagai profesor Ilmu

Kemanusiaan, di Universiti Sains Malaysia. Beliau kemudiannya meletakkan jawatan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Sebagai seorang penulis, Kala Dewata lebih dikenali dalam bidang drama, meskipun beliau juga menulis novel, cerpen, sajak, esei dan kritikan. Beliau dianggap sebagai pelopor drama realisme, meninggalkan tradisi sandiwara yang cukup diminati sebelum itu dengan dramanya yang berjudul *Atap Genting Atap Rumbia* pada tahun 1963. Nama beliau menjadi sebutan di bibir peminat-peminat drama tanah air apabila karya-karya drama beliau telah menukarkan corak atau bentuk drama-drama Melayu yang dipersembahkan sebelum itu, dengan penegasan kepada konsep “drama moden” atau “citrawara”. Karya dramanya yang telah diterbitkan ialah *Tiga Drama* (1963), *Robohnya Kota Lukut* (1963), *Dua Tiga Kucing Berlari* (1966) dan *Drama-drama Kala Dewata* (1990). Judul-judul ini tidak termasuk beberapa buah buku drama kanak-kanak dalam siri *Lakonan Ria* (enam siri) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Karya cerpen Kala Dewata termuat dalam antologi yang bertajuk *Yang Dihempas dan Dipulas* (1963) dan *Perempuan dan Peristiwa* (1965). Novel beliau yang berjudul *Hati dan Hasrat* terbit pada tahun 1966. Manakala esei-esei kritikan beliau termuat dalam *Asas Kebudayaan Kebangsaan* (Antologi bersama, 1973) dan *Drama Melayu Moden dalam Esei* (Antologi bersama, 1981).

Pada tahun 1977, Kala Dewata telah terpilih untuk menerima Hadiah Kebudayaan dari Kerajaan Australia di bawah Rancangan Hadiah Kebudayaan mengenai sastera, kemasyarakatan, sosial dan sains fizikal Australia bagi tahun tersebut.

b) Sinopsis

Drama *Titik-titik Perjuangan* mengisahkan tentang seorang Pegawai Melayu semasa zaman penjajahan Inggeris telah pergi ke sebuah kampung dengan tujuan untuk mengugut orang-orang kampung yang cuba menentang kerajaan. Pegawai itu menggertak orang kampung supaya tidak menuntut kemerdekaan dengan membangkitkan soal kebajikan dan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pemerintah Inggeris kepada rakyat. Pegawai itu mempersendakan keupayaan rakyat yang mahu merdeka kerana menurutnya mereka tidak mempunyai ilmu untuk membangun dan memajukan negara sekiranya kemerdekaan tercapai. Namun demikian, dalam keghairahan untuk menuntut kemerdekaan, terdapat juga orang kampung yang masih menyokong kerajaan Inggeris. Jepun telah menyerang dan berjaya menakluki Tanah Melayu. Apabila Jepun menyerah kalah kemudiannya, Tanah Melayu dijajah semula oleh Inggeris sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Selepas kemerdekaan, Pegawai Melayu muncul semula di kampung itu. Kedatangannya yang tidak disambut dengan baik oleh orang-orang kampung telah menyebabkan Pegawai tersebut menuduh orang-orang kampung tidak menghargai kemerdekaan dan mahu melawan kerajaan. Pegawai tersebut telah disindir oleh orang-orang kampung dan akhirnya dia sedar bahawa sebenarnya rakyat adalah kerajaan dan dia adalah hamba rakyat. Lantaran itu, mereka perlu bekerjasama dan saling memerlukan bagi mengisi kemerdekaan yang telah dicapai.

c) Pemikiran

Titik-titik Perjuangan membawa pemikiran yang berkisar tentang kesadaran nasionalisme. Kesedaran ini dilihat dari konteks perjuangan untuk menuntut kemerdekaan dan perjuangan bagi mengisi kemerdekaan yang telah dicapai. Pemikiran ini digambarkan oleh pengarang melalui sikap orang-orang kampung dan Pegawai terhadap kesadaran nasionalisme itu sendiri. Berdasarkan pegangan mereka terhadap kesadaran nasionalisme ini terdapat tiga golongan masyarakat di Tanah Melayu pada zaman penjajahan Inggeris.

Golongan pertama ialah golongan orang kampung yang diwakili oleh watak-watak Orang Tua, Orang Muda dan Gadis. Golongan ini mempunyai kesadaran nasionalisme yang tinggi dan sanggup berjuang menuntut kemerdekaan dari penjajahan Inggeris. Perjuangan mereka bukan atas dasar kepentingan sendiri tetapi atas satu cita-cita untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan. Golongan ini optimis bahawa mereka boleh maju jika diberi peluang untuk memerintah negara sendiri. Perjuangan ini dilihat sebagai satu perjuangan yang tulen.

Golongan yang kedua digambarkan melalui watak Pegawai yang mewakili segelintir masyarakat. Golongan ini akan sentiasa mengampu dan mengikut telunjuk Inggeris demi untuk menjaga kepentingan dan kedudukan diri sendiri. Mereka ini yang telah disogokkan dengan pangkat dan kedudukan lebih menekan anak-anak bangsa daripada menolong mereka untuk bangun menuntut kemerdekaan malah memandang rendah keupayaan bangsa sendiri. Mereka memuji-muji pemerintahan penjajah sebelum

merdeka dan apabila negara sudah merdeka, mereka ini juga yang memuji-muji kemerdekaan dan pemimpin negara seolah-olah merekalah yang telah berjuang bermati-matian untuk menuntut kemerdekaan tersebut. Golongan ini mempunyai semangat nasionalisme yang nipis kesan dari pemikiran yang ditanamkan oleh penjajah Inggeris.

Golongan ketiga ialah golongan yang tidak berpendirian dan mengikut sahaja arus perubahan yang berlaku. Golongan ini, yang diwakili oleh Perempuan Tua, mengambil jalan mudah dengan menyebelahi pihak yang dirasakan kuat.

Dalam mengisi ruang kemerdekaan pula, pengarang ingin menanamkan kesedaran agar rakyat berusaha bersungguh-sungguh bagi merealisasikan segala perancangan oleh pihak kerajaan. Persoalan-persoalan nasionalisme tidak terhenti apabila negara mencapai kemerdekaan kerana kemerdekaan adalah titik permulaan bagi suatu perjalanan yang panjang untuk membentuk bangsa yang berdaulat dan bermaruah. Untuk mencapai cita-cita ini, kesedaran nasionalisme hendaklah sentiasa dinyalakan dan harus ada kerjasama yang erat dan perpaduan yang utuh di kalangan warganegaraanya.

3.4.3 Seri Nara

a) Biodata Pengarang

Shaharom Husain dilahirkan di Kampung Peserai, Batu Pahat, Johor pada 11 November 1919. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Peserai (1928-1934)

sehingga Darjah IV dan Sekolah Melayu Bagan Tinggi (1935-1936) dalam Darjah V. Pada tahun 1938, beliau menyambung pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Setelah menamatkan latihan perguruannya pada akhir tahun 1940, Shaharom telah berkhidmat sebagai guru, guru pelawat, guru besar dan pensyarah di beberapa buah maktab perguruan sehingga persaraannya pada akhir tahun 1974.

Semasa bertugas di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Shaharom menjadi penyunting majalah rasmi maktab *Cenderamata*, iaitu sebuah majalah yang menjadi medan bagi penuntut untuk melahirkan karangan-karangan mereka buat kemajuan budaya, bahasa dan sastera. Menurut beliau, di maktab inilah banyak memberi pertunjuk dan ilham kepada beliau sebagai penulis (Shaharom Husain, 1996: 392).

Sejak melibatkan diri dalam dunia penulisan kira-kira setengah abad yang lalu, Shaharom telah menulis dalam pelbagai bidang. Beliau adalah tokoh kesusasteraan Melayu yang telah menunjukkan kekuatan dalam setiap bidang penulisan yang diceburinya. Pada peringkat awal penulisannya, beliau banyak menulis makalah dan puisi yang kebanyakannya disiarkan dalam *Idaman*, *Lembaga Malaya*, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*. Dramanya yang berjudul *Lawyer Dahlan* dianggap sebagai drama moden yang pertama muncul di negara ini. Drama ini disiapkan pada akhir 1941 dan dipentaskan pada tahun 1943. Dari situ beliau terus menerbit dan mementaskan drama khususnya drama sejarah, yang ditulis berdasarkan peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku. Sehingga kini lebih dari sepuluh buah drama telah diterbitkan oleh beliau,

antaranya ialah *Keris Laksamana Bentan* (1943), *Tun Seri Lanang* (1959), *Tun Fatimah* (1964), *Si Bongkok Tanjung Puteri* (1965) dan *Wak Cantuk* (1966).

Shaharom juga terkenal sebagai penulis novel sejarah dan buku-buku pengetahuan yang bercorak biografi dan sejarah. Berhubung dengan minatnya mengarang novel-novel sejarah, beliau pernah menjelaskan bahawa masyarakat harus diberi kesedaran tentang kegemilangan kerajaan bangsanya di masa lampau. Dengan jalan demikian, akan membangkitkan semula rasa kebangsaan dan membina semula identiti bangsanya. Antara karya-karya beliau dalam genre novel ialah *Tun Fatimah* (1948), *Korban Kuala Kubu Karam* (1955), *Lembing Awang Pulang Ke Dayang* (1959), *Seri Nara* (1963) dan *Bendahara Tepok* (1963). Kebanyakan daripada novel-novel sejarahnya telah digubah menjadi drama. Karya-karya beliau yang bercorak ilmiah dan latihan bahasa pula adalah seperti *Kesan dan Aliran Sejarah Tanah Air Kita* (1955), *Antara Pengarang-pengarang Novel Melayu dan Karyanya* (1963) dan *Kajian Novel Raja Laut* (1967).

Pada tahun 1968, Shaharom telah dikurniakan “Surat Akuan Kehormat” (Certificate of Merit) yang menghargai sumbangannya sebagai seorang pendidik dan pengarang oleh Badan Persekutuan Wartawan Antarabangsa yang beribu pejabat di London. Beliau juga dikurniakan “Tokoh Guru Berjasa Negeri Johor 1983” oleh Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Mulai bulan Februari 1983 sehingga bulan Februari 1985 beliau menjadi karyawan tamu di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Perguruan Sultan Idris pada tahun 2000.

b) Sinopsis

Karya yang diangkat daripada lipatan sejarah tanah air ini mengisahkan tentang kejatuhan Melaka ke tangan Feringgi telah menyebabkan Sultan Alauddin Riayat Syah, pembesar dan rakyat Melaka membawa diri ke tempat lain untuk menubuhkan kerajaan dan penempatan yang baru. Kerajaan baru yang ditubuhkan di Muar dan Kampar juga telah diserang oleh Feringgi menyebabkan mereka terpaksa berundur lagi. Akhirnya pada tahun 1530, mereka sampai di Kuala Sungai Johor dan Sultan telah memerintahkan agar sebuah penempatan baru yang lengkap dengan istana, kota dan kubu didirikan di situ. Dalam pada itu, Demang Sulung membawa perkhabaran bahawa rakyat Melaka melarat sejak diperintah oleh Feringgi. Agama Islam ditekan dan askar-askar Feringgi telah melakukan kezaliman terhadap perempuan-perempuan dan ahli-ahli agama menyebabkan ramai rakyat melarikan diri. Datuk Seri Nara menegaskan bahawa mereka harus bertenang dan bersabar serta berazam untuk membina kerajaan Islam Melayu di Kuala Sungai Johor. Selanjutnya, datang pula perkhabaran tentang kehadiran kapal Feringgi di Selat Tebrau yang merampas kapal-kapal dagang yang lalu-lalang di situ. Berita tersebut telah disampaikan kepada Raja Sulaiman oleh Datuk Seri Nara dan Hang Khadim. Raja Sulaiman tidak bimbang dengan ancaman Feringgi, sebaliknya beliau lebih bimbang dengan ancaman dari dalam iaitu keengganan kerabat-kerabat di raja mematuhi arahannya sebagai wakil Sultan. Apabila hal ini dimaklumkan oleh Raja Sulaiman kepada Sultan, baginda amat murka. Sultan mengambil keputusan bahawa baginda dan Bendahara akan pergi ke tempat yang bermasalah itu dan akan bersama-sama rakyat bagi menyiapkan kerja membina kubu dan kota. Selain itu, Sultan juga bercadang untuk membina beberapa buah masjid dan madrasah bagi mendaulatkan

agama Islam sebagai agama rasmi. Sultan menamakan negeri baru itu dengan nama “Negeri dan Kerajaan Johor, Darul Takzim”.

c) Pemikiran

Pemikiran yang dikemukakan oleh pengarang dalam drama *Seri Nara* ialah tentang perpaduan dan permuafakatan. Kejatuhan Melaka ke tangan Feringgi telah menyebabkan kehidupan rakyat tertindas, kedudukan agama Islam terancam dan ramai yang telah melarikan diri untuk mendapatkan perlindungan. Dengan yang demikian, usaha untuk membina sebuah kerajaan yang baru adalah perlu untuk mengembalikan kedaulatan raja, sekali gus mempertahankan agama Islam dan membela nasib rakyat jelata. Untuk mencapai hasrat ini, rakyat hendaklah bersama-sama bersedia untuk memikul tanggungjawab tersebut. Pemikiran ini yang hendak ditimbulkan oleh pengarang apabila semua rakyat termasuk pembesar dan keluarga di raja bersama-sama mengembelingkan tenaga untuk mendirikan kota, istana dan kubu dalam usaha untuk mewujudkan sebuah kerajaan baru.

Dalam memperkatakan hal-hal yang berkaitan dengan perpaduan dan permuafakatan, pengarang juga menyelitkan gejala-gejala tidak sihat yang diamalkan oleh segelintir masyarakat yang boleh meruntuhkan perpaduan dan semangat kerjasama. Golongan yang tidak komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan akan menghalang pembangunan dan kemakmuran negara. Manakala golongan yang terlalu mementingkan status dan kedudukan mereka dalam masyarakat diibaratkan sebagai ancaman dari dalam yang akan membentuk jurang antara

masyarakat serta boleh menghancurkan perpaduan dan semangat kerjasama. Sepatutnya dalam keadaan-keadaan yang memerlukan, semua lapisan masyarakat bekerja keras untuk membina negeri dan mempertahankannya dari serangan musuh.

Dengan sifat Shaharom sebagai seorang guru, beliau jelas ingin menyampaikan unsur-unsur pengajaran kepada khalayaknya. Shaharom seolah-olah bercita-cita inginkan suatu masyarakat yang mempunyai sifat-sifat terhormat, kerana hanya dengan cara itu sahaja kekuatan dan kebenaran bangsa dapat ditegakkan.

3.5 TEKS DRAMA TINGKATAN 5

3.5.1 Jangan Bunuh Rama-rama

a) Biodata pengarang

Noordin Hassan dilahirkan di Pulau Pinang pada 18 Januari 1929. Ayahnya Hassan Aluih Pakcik Kaya adalah seorang tukang karang boria dan merupakan tokoh yang telah banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan boria di Pulau Pinang. Ibunya bernama Hajibee Binti Ismail sangat mengambil tentang agama dan pandai bercerita. Ibunya amat inginkan Noordin menjadi seorang yang alim dan mengajar pelajaran agama dan al-Quran.

Noordin mendapat pendidikan sekolah Melayu dan Inggeris. Pada akhir tahun 30-an, beliau belajar di Sekolah Melayu Perak Road, Pulau Pinang. Selepas itu beliau mengikuti kelas peralihan yang waktu itu dikenali dengan nama *Special Malay Class*, yang menggunakan pengantar bahasa Inggeris di Sekolah Francis Light. Noordin tidak lama belajar di situ kerana pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Apabila Jepun menyerah kalah, beliau menyambung pelajarannya di Sekolah Penang Free dan memperolehi *School Certificate*. Pada tahun 1952, beliau mengikuti Kursus Perguruan di Kirby College, Liverpool. Semasa di Kirby, beliau mendalami Kesusasteraan Inggeris dan Barat, terutamanya melalui karya Shakespeare, Sheridan, Goldsmith dan Moliere untuk keperluan pengajiannya.

Pada tahun 1953 Noordin pulang ke tanah air, dan pada tahun yang sama beliau telah mementaskan dramanya yang pertama berjudul *Tak Kunjung Kembali*. Semasa menjadi pensyarah di Maktab Harian Alor Setar dari tahun 1957 hingga 1962, beliau telah menulis dan mementaskan beberapa buah drama di samping mempersembahkan tarian, boria dan muzika dengan pelakonnya terdiri daripada penuntut-penuntut maktab. Dari tahun 1963 hingga tahun 1964, Noordin mengikuti Kursus Pengajaran Bahasa dan sastera Inggeris di University of London. Semasa di sana beliau berpeluang menonton beberapa pementasan daripada dramatis-dramatis *avant-garde* dan “eksperimental”. Beliau amat tertarik dengan pemikiran dan pementasan drama-drama tersebut. Pengalaman-pengalaman Noordin ketika di Barat banyak mempengaruhi beliau dalam menghasilkan drama selepas itu.

Noordin dikenali sebagai pelopor teater absurd di Malaysia melalui dramanya yang berjudul *Bukan Lalang Ditiup Angin* pada tahun 1970, yang ditulis sesudah tragedi 13 Mei 1969. Karya ini telah mengejutkan khalayak sandiwara dan drama konvensional tanah air dan memberi kesan pengaruh yang besar terhadap pertumbuhan teater moden tanah air (Hashim Awang, 1997: 91).

Sebagai penulis dan pengarah drama, sumbangan Noordin telah diperkatakan dengan meluas melalui media massa sama ada akhbar, majalah atau jurnal. Beliau merupakan penulis drama yang penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden dan telah menghasilkan lebih daripada 30 buah drama dan koreografi tarian. Noordin banyak menunjukkan kecenderungannya menghasilkan karya-karya yang mengandungi konsep dan unsur-unsur Islam. Sumbangan cemerlang beliau telah diiktiraf sejak tahun 1962 lagi apabila beliau menerima Anugerah Drama Terbaik untuk karyanya *Hujan Panas Di Bumi Melaka* dalam Pesta Majlis Kesenian Pulau Pinang. Pada tahun 1972, beliau telah memenangi Hadiah Sastera dengan dramanya yang berjudul *Bukan Lalang Ditiup Angin*. Drama ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1979 bersama-sama dramanya *Tiang Seri Tegak Berlima* dan *Pintu* dengan judul *Bukan Lalang Ditiup Angin*. Selain itu, dramanya *Cindai*, *Jangan Bunuh Rama-rama, 1400* dan *Sirih Bertepuk Pinang Menari* dimuatkan dalam kumpulan drama yang berjudul *Peran* (1997).

Noordin dianugerahi bintang Ahli Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong (1979), menerima Anugerah *Sea Write Award* (1987), Anugerah Anak Tanjung (1992), Anugerah Sasterawan Negara (1993) dan bintang D.S.P.N. (1994) yang membawa

gelaran “Dato” daripada TYT yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Beliau merupakan tokoh drama tanah air yang dikalungkan Anugerah Sasterawan Negara. Demikianlah Noordin Hassan yang diharapkan oleh ibunya menjadi guru agama, akhirnya menjadi seorang sasterawan.

b) Sinopsis

Drama *Jangan Bunuh Rama-rama* mengisahkan Nur Atma yang mengembara dan bertemu dengan pelbagai manusia. Nur Atma bertemu dengan Badut yang sebenarnya seorang raja. Badut menceritakan apa yang terjadi pada dirinya apabila ia masuk ke dalam hutan untuk menangkap rama-rama untuk dijadikan perhiasaan diri permaisurinya. Dalam usaha untuk menangkap rama-rama yang kecil dan cantik, ia terjatuh ke dalam telaga air yang panas mendidih. Tiba-tiba rama-rama yang kecil tadi datang semula sambil mengipas-ngipas air yang panas tadi sehingga menjadi sejuk dan ia terselamat. Seterusnya, Nur Atma telah bertemu dengan Juragan yang hidupnya tidak menentu. Dengan pertolongan Badut, Juragan menemui jalan lurus seperti yang dikehendaki oleh Allah. Kemudian muncul pula Askar dan Orang Tawanan, dan peristiwa berkisar tentang kepentingan umat Islam untuk bersama-sama berganding bahu dan hidup aman damai di dunia ini kerana mereka semua adalah sama dan seagama. Pengembaraan Nur Atma selanjutnya telah menemukannya dengan Wak Keletung dan Orang Bertapa. Kisahnya berkisar tentang keikhlasan dalam hal beribadat kepada Allah dan dalam aktiviti kehidupan manusia. Kemudian Wak Keletung menceritakan tentang Mek Bongsu yang walaupun hidupnya senang tetapi tidak memberi sumbangan apa-apa terhadap kebahagiaan kehidupan manusia yang lain. Akhirnya Nur Atma bertemu Bidan

Tuk Mah yang meninggalkan keluarga bangsawan untuk mengikut Peran mengembara. Bidan Tuk Mah adalah seorang yang tabah, tidak mudah putus asa, sedia memberi pertolongan yang diperlukan dan sentiasa berusaha untuk kebahagiaan manusia.

c) Pemikiran

Drama *Jangan Bunuh Rama-rama* adalah drama yang berbentuk interogatif yang tidak mungkin dapat diselami oleh pembaca secara bersantai. Pembacaannya memerlukan minda yang serius untuk memahami makna yang hendak disampaikan oleh pengarang secara berkias dan implisit. Drama ini membicarakan pemikiran keagamaan yang berkisar tentang kejiwaan dan keimanan. Dalam diri manusia sering berlaku pergolakan jiwa, dan pertentangan antara kebendaan (nafsu) dan keimanan. Kejayaan kejiwaan bukanlah kejayaan kebendaan atau kedudukan yang bergelaran mulia yang disanjung oleh masyarakat. Kejayaan kejiwaan adalah usaha yang tulus dan kudus untuk mencuba menjadi insan yang kamil.

Melalui drama ini, pengarang ingin menyedarkan manusia tentang tujuan kejadian manusia itu sendiri, yang sebenarnya hanyalah untuk menyembah dan beribadat kepada Allah. Dalam melaksanakan tanggung jawab mereka di muka bumi ini, manusia diberi kebebasan untuk memilih dan juga diberi kemudahan untuk melangsungkan pilihannya itu. Hanya manusia yang benar-benar mengikut fitrah kejadiannya akan sentiasa memilih jalan yang ditentukan oleh Allah.

Namun demikian, manusia bersifat lalai terutama sekali apabila dilamun kejayaan dunia, yang menurut pengarang, hanya terhenti di dunia sahaja. Sifat lalai inilah yang menjadi punca manusia bertindak zalim dan jahil. Mereka akan menjadi manusia yang angkuh, sombong, melampaui batas dan merasakan diri mereka serba lengkap. Manusia yang sedemikian sebenarnya adalah manusia yang jiwanya penuh dengan kemungkaran yang kepelbagaian (Noordin Hassan, 1996: 150-151).

3.5.2 Puteri Li Po

a) Biodata Pengarang

Rahmah Haji Bujang dilahirkan di Pontian, Johor pada 18 Mac 1947. Beliau mendapat pendidikan rendah di sekolah Inggeris dan menyambung pendidikan menengahnya di Government English School, Pontian hingga Tingkatan Lima. Selepas itu beliau menuntut di English College, Johor Bahru. Rahmah kemudian melanjutkan pelajarannya di Universiti Malaya dalam jurusan kesusasteraan dan memperolehi ijazah Sarjana Muda pada tahun 1969. Selepas itu beliau memperolehi ijazah Sarjana Sastera pada tahun 1973 dengan mengusahakan kajian terhadap sejarah perkembangan bangsawan sebagai seni teater Melayu untuk tesis beliau. Pada tahun 1974 Rahmah berangkat ke England untuk meneruskan pengajiannya di peringkat Doktor Falsafah di University of Hull dengan menumpukan kajian terhadap sebuah lagi seni persembahan Melayu, iaitu Boria. Beliau mendapat ijazah Doktor Falsafahnya pada tahun 1978.

Rahmah kini memegang jawatan profesor di Universiti Malaya dan adalah Ketua Jabatan Kesenian di Akademi Pengajian Melayu.

Rahmah membina kerjayanya sebagai pensyarah di Universiti Malaya dengan bermula sebagai pengajar (1969 hingga 1971), pensyarah sementara (1971 hingga 1972), pensyarah (1973), Profesor Madya (1983), dan Profesor (1994). Beliau juga pernah menjawat tugas sebagai Penyelaras Program Seni Persembahan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial (1993 hingga 1995) dan Pengarah Pusat Kebudayaan (1997 hingga 1999). Beliau juga telah memulakan Program Pengajian Kesenian di peringkat Ijazah di Pusat Kebudayaan, dalam bidang Muzik dan Seni Drama. Beliau kini memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Kesenian Melayu di Akademi Pengajian Melayu sejak tahun 1996.

Sumbangan Rahmah tidak hanya terbatas di tempat beliau bertugas. Beliau juga turut melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti institusi, persatuan dan pertubuhan lain. Beliau menjadi Panel Pakar kepada Projek Pengumpulan Istilah Kesusasteraan MABBIM/DBP, Panel Penilai Hadiah Sastera Malaysia (1978 – 1986) dan Panel Pakar kepada beberapa Projek Ensiklopedia di DBP. Rahmah turut menabur bakti sebagai penasihat Mahkamah Juvana Wilayah Persekutuan (1980 – 1991). Untuk tempoh tiga tahun, beliau juga pernah bertindak sebagai Presiden Kelab Wanita (Profesional dan Pengurusan) Universiti Malaya.

Rahmah merupakan tokoh yang memberi sumbangan besar dalam sejarah tamadun teater tanah air. Beliau bertanggungjawab dalam menubuhkan persatuan teater

iaitu Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA) yang kemudiannya beliau terajui dari tahun 1989 hingga 1995. Beliau juga menjadi ahli Lembaga Pengarah kepada Institut Teknologi Seni Melaka milik kerajaan negeri Melaka, yang kemudiannya menganugerahkan beliau dengan Darjah Seri Melaka (DSM) pada tahun 1998. Di samping itu, Rahmah juga merupakan penasihat, penilai dan pengerusi serta pembicara untuk pelbagai kegiatan teater di peringkat zon, negeri dan kebangsaan.

Rahmah merupakan tokoh yang mempunyai kebolehan dalam menghasilkan karya kreatif dan tulisan akademik. Ketokohnya mendapat pengiktirafan apabila beliau kerap menyampaikan kertas kerja berkaitan dengan drama dan teater sama ada di dalam negeri mahupun di peringkat antarabangsa. Di peringkat antarabangsa, beliau pernah membentangkan kertas kerja di Amerika Syarikat, Indonesia, Netherland, Jerman, Rusia, China, Filipina, Brunei, Singapura dan Jepun. Beliau juga menjadi ahli kepada jurnal antarabangsa seperti *Jurnal Indonesia Circle* keluaran *School of Oriental and African Studies, University of London* sejak tahun 1988 dan sebagai Dewan Pakar kepada *Jurnal Wacana* keluaran Fakultas Sastera, Universitas Indonesia sejak tahun 1999.

Rahmah telah menghasilkan tujuh buah skrip drama, tiga khusus untuk teater bangsawan iaitu *Puteri Li Po*, *Puteri Cahaya Bulan* dan *Megat Terawis*; dan empat buah lagi diterbitkan dalam antologi berjudul *Ketokohan* yang mengandungi karya-karya beliau *Dayang Istana*, *Tabir Senja*, *Muzika Tenggang* dan sebuah drama dalam bahasa Inggeris *The Kapitan*. Selain menghasilkan skrip beliau juga menerbitkan dan mengarah drama beliau. Beliau juga menulis esei dan kritikan yang disiarkan di dalam

pelbagai media cetak. Manakala buku-buku yang dihasilkan oleh beliau antaranya ialah *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura* (1975), *Seni Persembahan Bangsawan* (1989), *Drama Melayu: Dari Skrip Ke Pentas* (1994), *Pengalaman Drama Noh Di Jepun* (1996), *1400 Antologi Drama Kontemporari* (Ed., 1987), *Drama Sebabak TEMA* (Ed., 1992), *Ketokohan 4 Drama* (1998), *Kesenian Melayu* (2002), dan *Glosari Seni: Istilah Kesenian Melayu* (2003). Rahmah juga turut menghasilkan karya terjemahan, antaranya *Lakon, Drama dan Pemikiran: Latar Belakang Interlektual Drama dalam Pendidikan* (1991).

b) Sinopsis

Puteri Li Po mengisahkan puteri Maharaja Cina bernama Li Po yang telah berkahwin dengan Sultan Melaka, Sultan Mansur Syah. Pada peringkat awal penghidupannya di istana Melaka, dia tidak mengasihi suaminya di samping menghadapi pelbagai kesukaran untuk menyesuaikan dirinya dengan adat resam dan suasana baru di Melaka. Pada hari penganugerahan kehormat yang membawa gelaran "Hang" kepadanya, dia telah diperkenalkan kepada tiga orang madunya dari Majapahit, Inderapura dan permaisuri Melaka. Apabila balik ke istananya, Puteri Li Po yang tidak memahami adat resam Melaka tidak puas hati kerana dia berasa terhina dengan kedudukannya sebagai isteri keempat. Kebetulan Puteri Li Po telah jatuh cinta kepada Laksamana Hang Jebat yang menjemputnya dari negaranya dahulu. Oleh kerana tidak tahan menahan perasaan Puteri Li Po telah meminta Dang Wangi, kekasih Hang Jebat tetapi tidak diketahui oleh Puteri Li Po, supaya memanggil Hang Jebat mengadap. Puteri Li Po telah mencurahkan perasaannya kepada Hang Jebat. Hang Jebat secara

bijaksana dan berhemah telah menerangkan secara panjang lebar tentang ketaatsetiaan pahlawan Melayu kepada Sultannya. Pengakuan ini membuatkan Puteri Li Po berasa malu dan meminta Dang Wangi menyampaikan pesan supaya Hang Jebat tidak lagi datang ke istananya. Akhirnya Puteri Li Po mengetahui hubungan Dang Wangi dengan Hang Jebat. Melihatkan ketaatan mereka kepada perintah, Puteri Li Po sedar akan kesilapannya yang tidak mengasihi suaminya raja Melaka yang berdaulat. Sebagai jalan penyelesaian, Puteri Li Po mengambil keputusan untuk menghantar Dang Wangi sebagai persembahan persahabatannya kepada Permaisuri Nurpualam. Peristiwa yang berlaku memberi kesedaran kepada Puteri Li Po akan peranannya sebagai isteri Sultan Melaka dan mula mempelajari adat istana serta adat resam Melayu sehingga Sultan Melaka kemudian mengaguminya. Puteri Li Po akhirnya mengasihi suaminya dan memuliakannya.

c) Pemikiran

Drama yang berunsur bangsawan ini mengemukakan pemikiran yang berkisar tentang konflik dalaman yang dialami oleh manusia apabila berdepan dengan situasi dan persekitaran yang baru. Mengubah kebiasaan yang telah sebatik sebagai budaya dan amalan kepada sesuatu yang baru memerlukan masa dan kekuatan dalaman seseorang.

Pengarang cuba menelusuri jiwa Puteri Li Po, anakanda Maharaja Cina yang dikahwinkan dengan Sultan Melaka sebagai jambatan hubungan diplomatik antara dua negara. Puteri Li Po yang tidak memahami adat resam istana Melaka keliru dan menghadapi dilema dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berbeza dengan

negeri asalnya. Dia yang berasa kecewa dijadikan alat diplomatik dan di samping itu tidak pula mengasihi suaminya, Sultan Melaka telah mengalih kasihnya kepada Hang Jebat. Cintanya ditolak dan akhirnya rahsia terbongkar. Dilema dan konflik yang dihadapi oleh Puteri Li Po ini telah diselesaikan dengan menarik oleh pengarang.

Pengarang cuba menentengahkan bahawa manusia hendaklah menyelesaikan sesuatu masalah atau kekusutan yang timbul dengan bijaksana dan berhemah. Puteri Li Po telah digambarkan sebagai seorang yang berhemah mulia menerima hakikat yang terjadi serta menyedari tentang keterlanjurnya telah dengan berlapang hati cuba menyelesaikannya secara bijaksana tanpa melukakan hati mana-mana pihak.

3.5.3 Kerusi

a) Biodata Pengarang

Hatta Azad Khan dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 29 Januari 1952. Beliau mendapat pendidikan awal di Terengganu dan pendidikan menengah di Ipoh. Hatta melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dalam bidang teater dari tahun 1974 hingga 1977. Beliau menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana di Universiti Purdue, Amerika Syarikat dari tahun 1979 hingga 1980 dalam bidang pengarahannya dan sinografi. Hatta memperolehi ijazah doktor falsafahnya dari University of New South Wales, Australia pada tahun 1994 dalam bidang pengajian filem.

Hatta pernah bertugas sebagai tutor dan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif di Universiti Malaysia Sarawak sehingga memilih untuk bersara awal pada tahun 1996. Selepas bersara, beliau bertugas sebagai Pengarah Akademi Seni Kebangsaan. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah di Istana Budaya, Kuala Lumpur.

Hatta muncul sebagai penulis drama pada zaman kebangkitan “anak muda marah-marah” (*angry young man*) pada dekad tujuh puluhan. Gerakan ini dianggap sebagai cetusan atau reaksi karyawan drama terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam negara pada masa itu. Dalam hal ini, Hatta dipercayai lebih banyak digerakkan oleh “Peristiwa Baling 1974” yang meruntun siri demonstrasi pelajar di seluruh negara (Zakaria Ariffin, 2000: 11).

Hatta menulis dalam bidang drama radio dan pentas, esei dan kritikan sastera. Beliau memberi perhatian yang lebih serius kepada drama pentas ketika menuntut di Universiti Sains Malaysia dalam bidang teater. Ketokohan dan kecermelangannya dalam bidang ini diiktiraf melalui pelbagai hadiah dan anugerah yang diperolehinya. Antaranya ialah Hadiah Drama Pendek Terbaik DBP (1978), Hadiah Sastera Malaysia - Drama (1984), Hadiah Drama ESSO-GAPENA I (1986), Lakon Layar Terbaik dalam Festival Filem Malaysia (1991) dan Hadiah Drama Televisyen ESSO-GAPENA (1992). Filem sulungnya *Mat Som* terpilih mewakili Malaysia ke Festival Filem Antarabangsa di Tokyo, Bangalore, Hawaii, Taipei dan Jakarta. Dramanya *Syyy ...!* telah diadaptasi dengan tajuk *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* menjadi siri televisyen popular dan paling lama disiarkan di negara ini. Karya dramanya yang lain ialah *Kerusi* (1976), *Patung-patung*

(1977), *Mayat* (1978), *Stesen* (1978), *Puteri Gunung Ledang* (1981), *Jebat* (1982), *Syyy ...!* (1984), *Tanah, Air, Api dan Angin* (1994) dan *Muzika Tun Perak* (2000).

b) Sinopsis

Drama *Kerusi* mengisahkan Srisegala yang berkuasa dan kaya. Dia bertindak zalim terhadap rakyat jelata, lebih-lebih lagi kepada mereka yang mahu merampas kuasanya. Pengikut setianya iaitu Tuta Utama, Tuta 1, Tuta 11 dan Tuta 111 merupakan pangawal yang selalu melindungi Srisegala. Oleh kerana sering ditindas maka rakyat telah bangkit menentang kezaliman Srisegala. Penentangan ini digambarkan melalui watak Wira 1, Wira 11 dan Wira 111. Namun, wira-wira itu telah ditangkap oleh pengawal Srisegala. Kemudian muncul pula Putra yang cuba menentang Srisegala. Putra yang bertindak sendirian menentang Srisegala tertewas juga akhirnya dan telah dibutakan. Masayu, isteri Putra yang selama ini memberi semangat kepadanya untuk terus berjuang berusaha untuk mencari suaminya. Srisegala yang terpesona dengan kecantikan Masayu berusaha untuk memikatnya dengan kemewahan yang dimilikinya. Masayu terpedaya apabila melihat kemewahan dan kekuasaan Srisegala sehingga dia tidak lagi mengenal suaminya sendiri. Dalam pada itu, Wira 1, Wira 11 dan Wira 111 bertekad untuk meneruskan perjuangan mereka. Kali ini mereka meminta nasihat daripada Putra walaupun Putra telah buta. Putra menasihati mereka supaya bersatu padu bagi menentang kezaliman Srisegala. Mereka berjaya mengalahkan para pengawal Srisegala, manakala Srisegala yang cuba melarikan diri telah ditangkap. Akhirnya Putra dipilih untuk menduduki kerusi kekuasaan yang selama ini diduduki Srisegala. Isterinya Masayu kembali ke pangkuan Putra.

c) Pemikiran

Drama *Kerusi* mengutarakan pemikiran tentang penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin yang tamak, kejam dan mementingkan diri sendiri. Pemikiran ini diwujudkan melalui watak Srisegala yang akan melakukan apa sahaja demi untuk mempertahankan kedudukan dan kuasanya. Dengan kekuasaan dan kekayaan juga akan dapat mengubah hati dan pendirian seseorang, terutama yang lemah imannya sebagaimana tergambar pada watak Masayu. Oleh itu, pengarang menyarankan agar segala ketidakadilan dan penyelewengan yang berlaku hendaklah ditentang. Dalam perjuangan untuk menentang kepincangan ini perlulah ada keyakinan diri dan pengorbanan sebelum kejayaan dapat dicapai.

Kerusi adalah sebuah drama abstrak yang menuntut tafsiran intelektual daripada khalayak. Dinsman (1976: 47) menyatakan “kerusi” adalah lambang keadilan. Keadilan itu pula berantung kepada orang yang menggunakannya, jika ia zalim maka timbullah penyelewengan dan ketidakadilan. Kemanusiaan dan keadilan bukan lagi menjadi agenda kepimpinan, tetapi kepentingan diri sendiri diutamakan. Pengikut-pengikut yang patuh dan setia dengan pemimpin begini adalah kerana habuan yang disogokkan. Segala tindakan dari orang-orang yang dipimpin yang boleh menggugat kedudukan dan kuasa pemimpin akan dipatahkan dengan apa cara sekalipun. Manakala Mana Sikana (1989: 206) pula mengkategorikan drama ini sebagai drama simbolisme. Kerusi adalah simbol kepada kuasa. Ia menjadi rebutan, siapa sahaja dapat menduduki kerusi itu dialah yang berkuasa. Maka berebut-rebutlah orang untuk mendapat nikmat kerusi itu.

Jelas bahawa drama ini mempunyai maksud tersirat yang sinis serta memberi konotasi-konotasi tertentu kepada watak-watak yang muncul. Walaupun peristiwa-peristiwa serta watak-watak yang pada lahirnya berupa rekaan semata-mata, tetapi sebaliknya menopeng serta melambangkan keadaan tertentu yang benar-benar wujud dalam masyarakat (Krishen Jit, 1986: 157-158).